

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Pelacuran di kalangan Gadis Juvena
(Satu kajian di Bandaraya Kuala Lumpur)

Oleh

Ching Siat Fong
No. Matrik 048103

Kertas Projek

Bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat
untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Sesi 1987/88

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan rasa terima kasih kepada mereka-mereka yang dengan iklas hati telah membantu saya menjalankan kajian ini. Jasa-jasa mereka akan tetap saya kenang.

- i) Encik Abdul Hadi Zakaria, penyelia saya yang telah sudi memberikan nasihat dan bimbingan kepada sehingga siapnya kertas projek ini.
- ii) Yang Berbahagia, Dato Sulaiman, Presiden bagi Mahkamah Session, Kuala Lumpur; kerana sudi telah membenarkan saya memperolehi data-data yang berguna untuk kajian saya.
- iii) Kakitangan di Mahkamah Session, Cik Ng yang telah bekerjasama penuh serta memberi nasihat kepada saya di sepanjang masa kajian itu dijalankan.
- iv) Encik Lim Fong (Kakitangan ibupejabat Shih Min Daily News) yang telah memberi panduan dan kerjasama terutama mengenai peristiwa semasa pelacuran di bandaraya Kuala Lumpur.
- v) Cik Agnes kerana sanggup mengambil tugas menaipkan kertas projek ini.
- vi) Penghargaan istimewa untuk abah, mak, Jen yang menjadi sumber inspirasi di dalam hidup saya.

Sekian. Terima kasih.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Januari 1988

Ching Siat Fong

SINOPSIS

Di dalam latihan ilmiah ini, pengkaji mempunyai tujuan untuk menghuraikan masalah kegiatan pelacuran yang kian melanda dikalangan gadis juvena. Untuk tujuan ini, pengkaji cuba berfokus kepada latarbelakang serta pengaruh keadaan sosial sekeliling gadis-gadis berkenaan. Pengkaji hanya mengambil gadis-gadis pelacur yang pernah didakwa di Mahkamah (di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973) sebagai gadis-gadis responden kajian ini. Kajian ini dibahagikan kepada empat bab :

Dalam bab satu, memaparkan tujuan kajian, bidang kajian, kaedah yang digunakan serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian. Dalam bab ini juga ada menjelaskan konsep dan definisi yang berkaitan dengan pelacuran dan delinkwensi. Disamping itu, Teori Kawalan oleh Travis Hirschi yang mementingkan konsep ikatan sosial telah diambil untuk kajian ini sebagai satu hipotesis teori dalam menentukan perlakuan pelacuran dikalangan gadis-gadis juvena.

Bab kedua, pengkaji telah menjelaskan beberapa aspek tentang latarbelakang gadis pelacur , iaitu seperti umur, penyebaran bangsa serta aspek-aspek lain yang ada bersangkutan dengan pekerjaan gadis-gadis responden sebagai pelacur. Aspek-aspek itu ialah tempat perhubungan dengan pelanggan, pembayaran dan corak penglibatan mereka. Aspek-aspek ini adalah berangkaian antara satu sama lain membentuk satu pola pekerjaan responden.

Seterusnya, bab ketiga membincangkan hubungan unsur ikatan sosial dan pelacur juvena. Kegagalan ikatan akan dilihat sebagai suatu kegagalan institusi-institusi sosial itu sendiri. Misalnya, keruntuhan atau ketidakstabilan dalam keluarga mudah mendorong gadis-gadis bersifat bebas dan hanyut di dalam kumpulan-kumpulan lucah dan seterusnya berkelakuan liar. Begitu juga perlakuan dan gerakgeri gadis-gadis di luar yang lebih dipengaruh oleh kumpulan-kumpulan sosial lain (seperti kawan-kawan sebaya) adalah merupakan unsur penting yang melemahkan pertalian ikatan dengan keluarga.

Bab keempat, pengkaji membuat penganalisaan serta rumusan mengenai penglibatan juvena di dalam pelacuran adalah suatu kegagalan dari ikatan sosial. Pengkaji cuba membuktikan samada Teori Kawalan yang telah dikemukakan oleh Travis Hirschi dapat diaplikasikan ke dalam kewujudan dan perkembangan pelacuran di kalangan juvena.

KANDUNGAN :**Muka Surat**

DEDIKASI	ii
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS	iv
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	ix
BAB SATU : PENDAHALUAN	1-20
1.1. : Tujuan kajian	1
1.2. : Bidang kajian	3
1.3. : Definasi konsep Pelacur dan Juvena	4
1.4. : Mengindentifikasi Pelacur Juvena sebagai Delinkwensi	7
1.5. : Jumlah penglibatan pelacur-pelacur juvena	8
1.6. : Cara penyelidikan	10
1.6.1. : Pembacaan kes-kes (Case-studies)	10
1.6.2. : Temubual secara tidak formal	11
1.6.3. : Library research	11
1.7. : Masalah kajian	12
1.8. : Kepentingan kajian	13
1.9. : Teori Kawalan	13
1.9.1. : Pertalian (Attachment)	15
1.9.2. : Penglibatan (Commitment)	16
1.9.3. : Partisipasi (Involvement)	17
1.9.4. : Belief	17
1.9.5. : Kesimpulan	18
Catatan kaki	65
JENIS-JENIS PERKAWALAN DAN AGAM	67
Gantikan Kaki	67

BAB KEDUA : PELACUR JUVENA	21-47
2.1. : Pelacur Juvena di bandaraya Kuala Lumpur	21
2.1.1. : Umur	23
2.1.2. : Pengkelasifikasi Bangsa Pelacur Juvena	25
2.2. : Tempat Perhubungan Pelanggan dan Pelacur Juvena	28
2.2.1. : Rumah urut	28
2.2.2. : Rumah pelacuran	31
2.2.3. : Hotel dan rumah tumpangan	34
2.2.4. : Coffee house, Pub, Bar, Restauran & Lounge, kedai gunting rambut dan social escort agencies	34
22.3. : Bayaran Pelacuran	35
2.4. : Penglibatan Juvena Di dalam Pelacuran	38
2.4.1. : Pelacur juvena sukarela	39
2.4.2. : Pelacuran secara paksaan	43
Catatan Kaki	
 BAB KETIGA : PELACUR JUVENA DAN IKATAN SOSIAL	 48-69
3.1. : Ikatan Keluarga	49
3.1.1.: Keruntuhan keluarga	50
3.1.2.: Keluarga sempurna	53
3.1.3.: Perbuatan melarikan diri	55
3.2. : Bilangan adik-beradik	58
3.3. : Tempat Kediaman Semasa Dakwaan Kes	60
3.4. : Perdampingan dengan Orang-orang atau Jenis Pekerjaan Yang ada Kaitan dengan Pelacuran	62
3.5. : Tahap Bersekolahan	65
3.6. : Kepercayaan dan Agama	67
 Catatan Kaki	

BAB KEEMPAT : PENUTUP	70-88
4.1. : Langkah-langkah Pencegahan dan Pemulihan Pelacuran di kalangan Gadis Juvena	70
4.1.1. : Langkah Pencegahan secara Primari	70
4.1.1.1. : Peranan keluarga dan sekolah	71
4.1.1.2. : Peranan polis	73
4.1.1.3. : Kawalan sistem undang-undang	74
4.1.1.4. : Peranan kerajaan	77
4.1.2. : Langkah Pencegahan secara Secondari	78
4.1.2.1. : Peranan Pusat Pemulihan	78
4.1.2.2. : Penerimaan masyarakat terhadap bekas-bekas pelacur	79
4.2. : Kesimpulan	81
Catatan Kaki	
LAMPIRAN	
BIBLIOGRAFI	

SENARAI JADUAL

Bilangan Jadual	Perkara	Halaman
1.3. : Jumlah kes gadis-gadis dakwaan antara tahun 1984-86		6
1.5. : Jenis-jenis kes dakwaan		9
2.1.1. : Kelas umur gadis-gadis dakwaan		24
2.1.2. : Pengkelasifikasian kaum		26
2.2. : Jenis-jenis tempat semasa dakwaan berlaku		29
2.4. : Corak penglibatan gadis juvena		39
2.4.1. : Pengalaman awal seks gadis-gadis dakwaan		42
2.4.2. : Corak paksaan gadis-gadis dakwaan		44
3.1. : Corak latarbelakang keluarga		51
3.1.2. : Suasana keadaan dalam keluarga sempurna gadis-gadis dakwaan		54
3.1.3. : Hubungan melarikan diri dengan corak latarbelakang keluarga gadis-gadis dakwaan		57
3.2. : Bilangan adik-beradik gadis-gadis dakwaan		58
3.3. : Tempat kediaman semasa dakwaan kes dibuat		60
3.5. : Tahap bersekolahan dan sebab-sebab kecinciran		64

Bilangan rajah	Perkara	Halaman
4.2. : Keadaan dan unsur-unsur penting menyebabkan gadis-gadis juvena terlibat di dalam pelacuran		88

PENDAHULUAN

Fenomena kegiatan pelacuran telah lama wujud di kalangan masyarakat lagi iaitu sebagai satu dari "the oldest profession." Ia sering dianggap sebagai suatu dari perlakuan kaum wanita (walaupun ada juga dikalangan kaum lelaki). Di negara ini, perkembangan kegiatan pela curan secara nyata telah bermula sejak akhir abad kesembilan belas lagi dimana ramai wanita dari Hong Kong dan Negeri China telah dibawa masuk ke Tanah Melayu bagi memenuhi keperluan nafsu seks dikalangan pekerja-pekerja lombong.¹

Namun, pada zaman kini, penglibatan gadis-gadis muda (terutamanya yang dibawah umur) dalam pelacuran kian dilapor. Kes-kes umum yang sering ditemui adalah seperti gejala runtuh akhlak, melari diri dari rumah dan sekolah, tiada kemesraan keluarga atau melakukan perbuatan-perbuatan zina (*promiscuous*). Ini seterusnya membawa kepada kelakuan-kelakuan yang kurang disenangi seperti pelacuran.

1.1 : Tujuan Kajian.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menentu dan meninjau akan fenomena kegiatan pelacuran dikalangan gadis-gadis juvena yang kian dipandang serius dari segi keruntuhan moral. Apakah benar kalau dikatakan masyarakat negara kita yang sememangnya kuat berpegang dengan norma

kebudayaan masing-masing telah menemui kegagalannya dalam soal "mensosialisasikan" generasi muda dewasanini ? Pada hal, setiap kanak-kanak perempuan sejak kecil lagi telah diberi kawalan dan jagaan lebih ketat berbanding dengan kanak-kanak lelaki. Pengajaran ibubapa dan norma masyarakat sering menekankan kelakuan-kelakuan seperti "unaggressive conduct, submissiveness and femininity". dimana ia seharusnya dimiliki oleh setiap kanak-kanak perempuan.²

Disamping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menghubungkaitkan faktor rumahtangga dengan perkembangan delinkwensi gadis-gadis juvena, terutamanya dalam soal pelacuran. Apakah ikatan sosial primari ini tidak lagi berkesan kepada generasi muda hari ini ? Atau apakah pengaruh dan kebudayaan luar lebih berpengaruh daripada kebudayaan masyarakat asal kita ? Untuk tujuan ini, penulis akan melihat aspek-aspek fungsi keluarga dan peranannya serta institusi-institusi lain seperti sekolah dalam menentukan kelakuan gadis-gadis juvena.

Kajian ini juga adalah bertujuan menjadikan bahan rujukan ilmiah mengenai tulisan-tulisan pelacuran dikalangan gadis-gadis juvena. Penulisan buku-buku mengenai pelacuran sememangnya masih merupakan satu prospektif dan arena baru di dalam negara ini. Selain itu, kajian ini bertujuan dituliskan sebagai satu syarat untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Sastera tahun ini.

1.2 : Bidang Kajian

Bidang kajian ini sememangnya adalah berhubung dengan kegiatan pelacuran dikalangan gadis-gadis juvena yang khasnya kurang dari lapan belas tahun. Penulis dalam kajian ini telah mengambil dan mengumpul data-data mengenai kes-kes pelacur yakni yang pernah didakwa di bawah Akta Mahkamah Budak-budak 1947 dan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 di Mahkamah Session, Kuala Lumpur. Ia akan meliputi kes-kes dalam jangkamasa tiga tahun lalu, iaitu antara tahun 1984 hingga 1986.

Tumpuan kajian ini juga diberi keatas latar-belakang pelacur-pelacur juvena; iaitu dengan merujuk kepada faktor keluarga, tempat-tempat pelacuran, personaliti gadis juvena serta hubungan dengan pihak kumpulan-kumpulan sosial lain. Untuk tujuan ini, bidang kajian ini telah menggunakan Teori Kawalan sosial sebagai satu hipotesis teori, iaitu kegagalan kawalan sosial yang membawa kepada fenomena kegiatan pelacuran tersebut.

Bidang kajian ini juga hanya terhad pada kawasan bandar sahaja seperti Kuala Lumpur. Fenomena pelacuran sememangnya memanifestasi suatu dari corak hidup masyarakat bandar yang lebih mementingkan kemewahan dan materialistik akibat daripada proses perubahan yang dilalui oleh masyarakat. Lebih-lebih lagi, cara hidup dibandar lebih senang mempengaruhi seseorang mengikuti jalan "illegal" seperti jenayah seperti menurut Cheng Tong Yang dalam

artikelnya ;

" In comparison with countryside living, urban life life is more dynamic. Man is at ease to observe and imitate new consumption patterns. 'Keeping up with the Joneses' is a common phenomenon in an urban society."³

Oleh itu, dikatakan kawasan Kuala Lumpur amat sesuai sekali sebagai satu lokasi kajian ini. Ia sebagai sebuah bandar sibuk dapat berselindungkan sebarang kegiatan penyelewengan jenayah (seperti pelacuran); malah 'menyebar'nya atau mempengaruhi orang lain.

1.3 : Definasi Konsep Pelacur dan Juvena.

Pelacuran selalunya dianggap sebagai suatu perlakuan kaum wanita sahaja, pada hal ianya juga ada diperlakukan oleh kaum lelaki. Namun, didapati hampir kesemua definisi yang diberi kepada pelacuran lebih mengambil-kira kehadiran kaum wanita sebagai pelaku utama. Jadi, definasi-definasi mengenai pelacuran dan pelacur adalah berbeza antara satu sama lain. Ia bergantung kepada faktor masa (zaman kini dan masa lalu); faktor kebudayaan (seperti budaya Barat dan Timur); atau faktor penentuan polisi negara.⁴

The International Encyclopedia of the social sciences misalnya telah mendefinasikan pelacuran sebagai, ".... is the granting of sexual access on a relatively

indiscriminate basis for payment either in money or in goods, depending on the complexity of the local economic system."⁵

Joseph Julian⁶ pula telah mendefinasikan pelacuran adalah,

".... sexual intercourse on a promiscuous and mercenary basis, with no emotional attachment."

Malahan, menurutnya peranan seseorang pelacur sebagai,

"....sell sexual favors, to anyone who will pay, as a way of making a living."

Manakala Abdul Hadi Zakaria⁷ pula telah membahagikan tiga aspek penting dalam mendefinasikan pelacuran. Iaitu dari segi sewaan; dari segi perkhidmatan seksual yakni yang dapat memberi kepentingan seksual kepada pelanggan (bukan suami) dan dari segi pembayaran jenis wang. Dengan adanya ketiga-tiga aspek ini, satu-satu kegiatan pelacuran akan berlaku.

Penulis Barat seperti Kinsey Davis⁸ misalnya dalam mendefinasikan pelacuran lebih mengambil perkiraan soal struktur sosial; iaitu pelacuran sebagai satu dari institusi sosial. Institusi pelacuran yang dimaksudkan olehnya berfungsi sebagai satu "sexual outlet" bagi lelaki dari melakukan jenayah seksual seperti rogol.

Dibawah Akta Mahkamah Budak-budak 1947, kanak-kanak yang di antara sepuluh tahun hingga lapan belas tahun adalah di gelar sebagai " Juvena" atau Remaja. Kanak-kanak juvena yang didapati melanggar undang-undang negara akan dirujuk bawah Akta tersebut. Bagi kanak-kanak perempuan juvena yang melibatkan diri dalam penyelewengan seksual akan merujuk kepada Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973. Akta ini berkuatkuasa mulai 1 hb. September 1973 lagi dan gadis-gadis yang dibawah umur dua puluh satu tahun apabila didapati melakukan penyelewengan seksual akan didakwa bawah Akta ini.

Perkara Tahun	Juvena	19tahun- 21tahun	Umur tidak dapat dikesani	Jumlah
1984	72	40	1	113
1985	87	42	2	131
1986	100	51	-	151
Jumlah	259	133	3	395
Peratusan	65.6%	33.7%	0.7%	

Jadual 1.3 Jumlah kes gadis-gadis dakwaan antara tahun 1984-86.
Daripada jadual 1.3 menunjukkan jumlah kes dakwaan bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 yang menganggap gadis-gadis berkenaan telah terdedah kepada bahaya moral. Secara keseluruhannya, gadis-gadis juvena meliputi sebanyak 65.6% daripada jumlah kes dakwaan. Manakala gadis-gadis yang lebih dari lapan belas tahun hingga dua puluh satu tahun mempunyai 133 (33.7%) kes.

1.4. : Mengindentifikasi pelacur juvena sebagai perlakuan
delinkwensi

Delinkwensi juvena lebih merupakan kegagalan kawalan sosial itu sendiri dalam mensosialisasikan kanak-kanak ke arah penerimaan norma-norma sosial masyarakat. Menurut Stanton Wheeler delinkwensi ditakrifkan sebagai ;

"...destructive, violent, or predatory acts by the youth of a society are particularly disturbing because they seem to indicate something about the fabric of society itself."⁹

Manakala dari pandangan psikologis pula, delinkwensi dikatakan,

"... is a type of abnormal, disturbed behavior, the sources of which lie in early life."¹⁰

Apa yang dilihat menurut pendekatan psikologis ini ialah pengalaman awal kanak-kanak di dalam keluarga akan mempengaruhi motivasi, dorongan dan keinginannya kemudian hari,. Dari Don C.Gibbons, delinkwensi juvena adalah lebih tepat kalau didefinisikan sebagai,

"...consists of youths commit one or more acts or infractions which are prohibited in the statutes of the individual states."¹¹

Daripada definasi-definasi yang diberikan di atas, bolehlah disimpulkan bahawa perbuatan delinkwensi adalah bertentangan dengan norma konvensional masyarakat. Namun,

ia sering didokong oleh sekumpulan pemuda-pemudi yang memiliki budaya, nilai-nilai dan strukturalnya tersendiri atau lebih dikenali sebagai "kumpulan delinkwen subcultures."¹²

Dalam menghuraikan delinkwensi dikalangan gadis-gadis juvena, ia sering dihubungkan dengan perbuatan seperti mencuri (shopliftang); mlarikan diri dan penyelewengan seksual atau berzina. Umumnya, gadis-gadis juvena yang biasanya didakwa di Mahkamah adalah didapati melakukan delinkwensi seksual seperti melakukan hubungan seksual dengan lelaki samada secara rela atau dipaksa. (Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973) Pelacuran dikalangan gadis-gadis juvena lebih dianggap sebagai delinkwensi seksual yang melibatkan pembayaran wang. Seperti menurut pengakuan oleh Deirdre Wilson bahawa,

"... where male delinquency is understood as role expressive, female delinquency is assumed to be synonymous with sexual delinquency."¹³

1.5 : Jumlah penglibatan pelacur-pelacur Juvena. (Jadual 1.5)

Dengan memandukan daripada kes-kes pelacur juvena yang pernah didakwa antara tahun 1984-1986 kawasan Kuala Lumpur, penulis dapat mengumpul sebanyak 259 kes yang dianggap sebagai terdedah kepada bahaya moral. Ini termasuklah sebanyak 72 kes pada tahun 1984 (namun hanya

38 kes sahaja dapat dianalisa dan sebanyak 34 kes lain adalah tidak lengkap); sebanyak 87 kes dilaporkan pada tahun 1985 dan 100 kes pada tahun 1986.¹⁴

Kes dakwaan Tahun	1984	1985	1986	JUMLAH
Pelacur	4	11	30	45
Tukang urut dan Pelacur	12	35	31	78
<u>Manafikan sebagai Pelacur:</u>	20	39	38	97
Tukang urut sahaja	7	24	8	39
Tukang kerinting rambut	-	4	8	12
Pelayan	4	2	7	13
Juruwang, Penyanyi (di tempat-tempat dakwaan)	2	-	3	5
Tidak bekerja	6	7	7	20
Lain-lain pekerjaan	1	2	5	8
Bersekedudukan dengan lelaki	2	2	1	5
JUMLAH:	38	87	100	225

Jadual 1.5 : Jenis-jenis kes dakwaan

• Secara keseluruhannya, terdapat 123 (54.7%) gadis-gadis juvena yang mengakui dirinya sebagai pelacur. Gadis-gadis tersebut disamping melakukan pelacuran, mereka juga menjalankan kerja mengurut dengan pelanggannya ; iaitu sebanyak 78kes (43.2%). Manakala terdapatnya sebanyak 97 kes (43.1%) dimana gadis-gadis berkenaan cuba menafikan diri mereka sebagai pelacur. Sebaliknya, mereka telah mengakui di-

depan Mahkamah sebagai terlibat dengan jenis pekerjaan lain, seperti pelayan Bar, Pub, restoran dan lounge (sebanyak 13 kes atau 22.4%) ; sebagai tukang urut tetapi tidak menjalani kegiatan pelacuran (sebanyak 39 kes atau 17.3%) dan 12 kes sebagai tukang gunting rambut. Manakala sebanyak 20 kes (34.5%) dimana gadis-gadis berkenaan mengakui diri tiada sebarang pekerjaan semasa dakwaan dibuat. Terdapat juga sebanyak 5 kes dimana semasa serbuan polis dilakukan ke atas tempat dakwaan, gadis-gadis berkenaan mengakui diri mereka bekerja sebagai juruwang atau penyanyi di tempat-tempat tersebut. 8 kes (13.8%) lain telah menunjukkan gadis-gadis berkenaan bekerja sebagai jurujual, pembantu rumah atau kedai solek dan sebagainya.

1.6 : Cara Penyelidikan

Dalam menjalankan kajian ini, penulis telah menggunakan tiga teknik penyelidikan bagi mengumpulkan data-data dan penghuraian yang berkesan. Antaranya iaitu pembacaan kes-kes (Case-studies) ; cara temubual dan 'library research'.

1.6.1 : Pembacaan kes-kes

Untuk mendapatkan data-data serta maklumat yang lebih bercorak formal , penulis telah mengumpul dan menganalisiskan kes-kes dakwaan mahkamah di Mahkamah Session di Jalan Duta, Kuala Lumpur sebagai panduan tempat kajian. Kes-kes ini akan meliputi masa tiga tahun lalu iaitu antara tahun 1984 hingga 1986 yang berjumlah kira-kira 259 kes. Kes-kes ini

adalah didakwa di bawah seksyen 7(2) Akta Wanita dan Gadis 1973 yang dianggap sebagai telah terdedah kepada bahaya moral.

1.6.2 : Temubual secara tidak formal

Teknik temubual merupakan satu cara penyeledikan yang banyak digunakan oleh para pengkaji. Ia selalunya dilakukan berpandu kepada soalan-soalan 'Questionnaire' yang disediakan. Pengkaji berpandu kepadanya dalam cuba mendapatkan maklumat atau data yang diperlukan untuk kajian. Cara temubual ini lebih dikenali sebagai 'cara temubual secara formal'; iaitu melibatkan hubungan responden-pengkaji secara langsung.

Penulis dalam kajian ini tidak menjalankan cara temubual secara formal dengan responden. Ini memandangkan kajian penulis adalah berdasarkan tahun-tahun 1984-1986; maka adalah sukar untuk menemui responden-responden tersebut. Walaubagaimanapun, penulis dapat bertemu-bual dengan beberapa orang atau pihak berkenaan yang dipercayai dapat membantu dan memberi nasihat kepada penulis. Ianya hanya dijalankan secara tidak formal atau 'casual interview'. Antara mereka ialah pihak pegawai di Mahkamah, pemberita (yang pernah membuat hubungan langsung dengan pelacur-pelacur juvena di Kuala Lumpur) dan pihak polis.

1.6.3 : Library research

Di dalam menjalankan satu-satu bidang kajian tertentu, bahan primari data itu adalah penting tetapi bahan-bahan secondari data juga amat diperlukan. Sesuatu penemuan baru tidak akan wujud tanpa dengan adanya penemuan atau bahan

ilmiah lama. Bahan-bahan kajian mengenai pelacuran di negara ini masih kurang lagi. Lebih-lebih lagi, persoalan mengenai kajian pelacuran dikalangan juvena masih merupakan suatu aspek dan arena baru di negara ini. Namun demikian, kadar peningkatan dan perkembangan gadis-gadis juvena dalam pelacuran kian menjadi nyata dalam masyarakat umumnya.

Penulis juga masih terpaksa berpandu kepada bahan-bahan kajian dan bacaan Barat. Penulis terpaksa memilih fakta-fakta yang relavan dimana supaya ianya tidak bertentangan dengan fakta-fakta tempatan.

1.7 : Masalah kajian

Semasa menjalani kajian penyelidikan, penulis telah menghadapi beberapa kesulitan atau masalah semasa dan sebelum kajian :

- a) Sejumlah kes sebanyak 34 kes telah hilang dan tidak dijumpai semasa kajian penulis dijalankan. Ini disebabkan fail-fail yang berada di Mahkamah Session, Jalan Duta telah dipindah ke Mahkamah Tinggi, Jalan Laut ; sehingga sebilangan daripada kes-kes tersebut tidak dijumpai. Penulis hanya dapat mengesan sejumlah 34 kes tadi dengan maklumat seperti nama, umur dan penempatan mereka setelah jenis dakwaan ditetapkan.
- b) Penulis juga menghadapi kerumitan semasa kajian dibuat ; iaitu dalam soal pengangkutan. Penulis terpaksa menumpang tiga kali bas dari Seremban ke Mahkamah Session. Ini telah menghabiskan masa penulis untuk sampai ke Mahkamah lebih awal yang dijadualkan.

1.8 : Kepentingan Kajian

Bahan-bahan kajian tempatan mengenai gadis-gadis pelacur juvena pada umumnya masih berkurangan. Ini membatasi minat setengah-tengah golongan yang memang ingin mengetahui latarbelakang sebenar gadis-gadis pelacur. Kajian ini diharap dapat menampung kekurangan bahan-bahan kajian tersebut. Kajian penting supaya ia dapat menimbulkan minat dan perhatian pelajar-pelajar lain yang ingin menulis dan menjalankan kajian-kajian seumpama ini.

Kajian ini juga penting sebagai satu ' awareness' kepada **gadis-gadis** muda hari ini supaya lebih berhati-hati dari terlibat di dalam pelacuran. Di akhir bab kajian ini, penulis telah mengemukakan langkah-langkah bagi mengurang kadar peningkatan pelacuran dikalangan gadis-gadis juvena.

1.9 : Teori Kawalan

Dalam memahami pelacuran dikalangan gadis-gadis juvena sememangnya boleh dipandang sebagai satu dari reaksi pengaruh struktur sosial masyarakat itu sendiri. Ini merujuk kepada persekitaran sosial serta institusi-institusi sosial seperti keluarga. Diantara teori-teori yang mengambil-kira-kan fungsi dan peranan keluarga sebagai satu penjelasan dalam kelakuan delinkwensi ialah Teori Kawalan (theory Control).

Mengikut Teori Kawalan, fenomena jenayah itu lebih bersifat ' semulajadi' dan setiap individu adalah

bebas bertindak ; iaitu samada melanggar atau mengikuti norma masyarakat. Sifat 'comformiti' ini merupakan satu-satunya yang akan dipelajari oleh individu terhadap masyarakatnya sendiri. Dengan lain perkataan, iaanya ditentukan oleh kawalan sosial ; iaitu kawalan luaran (external) dan kawalan dalaman (internal). Kawalan sosial ini boleh terjelma sebagai suatu ikatan (bonding) melalui institusi-institusi sosial seperti keluarga. Ibubapa akan menjadi asas model dalam mempengaruhi perlakuan kanak-kanak dan agen utama dalam mendisplin tingkahlaku mereka.

Teori Kawalan mengambil-kirakan pandangan proses sosiologikal dan psikologikal. Dari pandangan psikologikal yang lebih menekankan pentingnya hubungan antara anak dan ibubapa dari awal hidupnya dimana akan mempengaruhi kela-kuannya kemudian hari. Sesuatu perbuatan delinkwensi (seperti pelacuran) dalam hal ini akan menggambarkan kehendak (desires) ; keinginan(drives) ; dorongan dan motivasi seseorang itu yang mana telahpun dipengaruh dari keluarga sejak awal hidup lagi. Manakala mengikut pendekatan sosiologikal pula, sesuatu delinkwensi itu lebih ditentukan oleh persekitaran sosial dan institusi-institusi kawalan sosial itu sendiri.

Walaupun kedua-dua disiplin ini berbeza satu sama lain ; namun ia menjadi asas kepada teori Kawalan. Dengan ertikata lain, disiplin psikologi membincangkan proses personal atau diri individu (inner control) yang

dibentuk oleh superego (conscience) individu itu. Manakala disiplin sosiologi pula akan mengambil-kira institusi-institusi dalam komuniti tersebut sebagai satu 'external control'. Semua ini akan membentuk suatu jenis kawalan dalam masyarakat.

Travis Hirschi¹⁵ misalnya dalam bukunya 'Causes of Delinquency' (1969) telah mengemukakan satu set ikatan sosial yang seharusnya dimiliki oleh individu-individu dalam masyarakat konvensional. Ikatan ini berfungsi dalam mengawal perlakuan individu dari menyeleweng norma-norma sosial dan undang-undang dalam struktur sosial. Bagi Hirschi, seseorang juvena yang telah melakukan delinkwensi adalah disebabkan kekurangan ikatan dengan masyarakat konvensional. Elemen-elemen ikatan Hirschi ini ialah Pertalian (Attachment) ; Penglibatan (Commitment) ; Partisipasi (Involvement) dan Kepercayaan (Belief). Elemen 'Pertalian' , 'Penglibatan' , dan 'Partisipasi' lebih merupakan 'external control' yang meliputi institusi keluarga atau institusi sosial lain ; dimana individu-individu mengambil bahagian cergas di-dalamnya. Elemen Kepercayaan pula merupakan 'inner control' berkaitan dengan 'diri' (self) seseorang individu.

1.9.1 : Pertalian (Attachment)

Ia merujuk kepada perasaan kasihsayang atau sensitiviti individu terhadap pandangan orang lain atau keteguhan ikatan dengan orang lain ; seperti keluarga, guru dan jiran.¹⁶ Mengikut Hirschi, remaja tidak akan melakukan

delinkwensi sekiranya wujud satu hubungan iktan dengan orang lain yang memberi alasan kepadanya supaya tidak berdelinkwensi. Yang ditekankan oleh Hirschi ialah setakatmana degree sensitiviti seseorang remaja terhadap orang lain yang lebih kuat berpegang norma-norma konvensional. Ini merujuk kepada hubungan erat dari segi sokongan, kasihsayang, 'sharing thoughts and feeling' dan sebagainya. Bagi Hirschi, ibu atau bapa adalah sama penting dalam hubungan 'Pertalian'.¹⁷

"The closer the child's relations with his parents, the more he is attaches to and identifies with them, the lower his changes of delinquency"

(Hirschi : 1969)

1.9.2 : Penglibatan (Commitment)

Elemen ini digunakan oleh Hirschi untuk mengukur akan kerasionalan seseorang itu dalam meletakkan kedudukan 'good grades' nya di dalam masyarakat.¹⁸ Selagi adanya ketaatan individu mengikut sosial conformiti, maka kedudukan prestijnya dalam masyarakat tidak akan terancam. Elemen 'penglibatan' meliputi kedudukan sosial, berbentuk barang atau ganjaran sosial dimana mengikat individu kepada masyarakat konvensional. Seseorang akan hilang kehormatan atau kedudukan sosialnya sekiranya ia mengikuti jalan-jalan illegal. Bagi Hirschi, sekiranya penglibatan individu dalam masyarakat tinggi, maka kemungkinan berkelakuan jenayah akan rendah.

1.9.3 : Partisipasi (Involvement)

Ia merujuk kepada jumlah masa seseorang itu mengikuti aktiviti-aktiviti konvensional, seperti sekolah, perundingan, kerja perancangan atau masa bekerja. Individu yang banyak menghabiskan masa dalam aktiviti-aktiviti seumpama ini, akan mengurangkan peluang baginya untuk melakukan jenayah.¹⁹

Bagi Hirschi, sekolah merupakan aktiviti-aktiviti konvensional yang penting kepada remaja. Seseorang remaja yang mempunyai peringkat partisipasi sosial (sekolah) tinggi, kemungkinan melanggar norma adalah rendah. Jadi, kegagalan dalam mengikuti program-program sekolah akan membawa perolehan peluang pekerjaan yang terhad. Ini secara relatifnya akan menyebabkan pemilihan individu kepada jalan-jalan illegal dalam memperolehi kejayaan dan kekayaannya.²⁰

1.9.4 : Belief (kepercayaan)

Ia merupakan satu ikatan untuk menentukan atau menempatkan remaja kepada norma-norma masyarakat. Ini merujuk kepada sejauhmana kesanggupan manusia dalam menilai dan mempertahankan isu-isu mengenai norma-norma, moral dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh masyarakat.

Elemen belief ini juga ada dibincangkan oleh Reckless(1940) dalam 'Teory Containment'²¹nya. Bagi Reckless elemen ini penting untuk menahan pengaruh-pengaruh buruk.

Untuk tujuan ini, individu seharusnya mempunyai pegangan moral dan keagamaan kuat, kesedaran terhadap tujuan hidup, kekuatan ego dan superego. Sekiranya individu adalah lemah terhadap pengesahan peraturan-peraturan sosial, maka ia lebih berkemungkinan beralih kepada perbuatan 'illegal' adalah kuat. Ini kerana hanya 'external control'sahaja yang akan mengawal kelakuan individu seperti institusi keluarga, kehakiman dan sosial lain,. Namun, pada umumnya, pengawalan samada 'external' atau 'internal' adalah sama penting sebagai suatu kawalan sosial . Bagi A.J.Reiss , delinkwensi timbul adalah akibat daripada kegagalan kawalan internal dan external ;

" Delinquency results when there is a relative absence of internalized norms and rules governing behavior in conformity with the norms of the social system to which legal penalties are attached, a breakdown in previously established controls, and / or a relative absence of a conflict in social rules or institutions of which the person is a number.²²

1.9.5 : Kesimpulan

Konsep 'bond'(ikatan) yang dikemukakan oleh Travis Hirschi (1969) amat terpengaruh sekali dikalangan teori-teori devian. Bagi Hirschi, individu adalah bebas berkelakuan devian sekiranya elemen-elemen ikatan menjadi lemah. Namun, ini tidak bererti individu itu mesti melakukan devian. Selagi

adanya elemen-elemen ikatan , individu akan terikat atau dikawal oleh norma konvensional dari berkelakuan jenayah.

Ahli-ahli teori Kawalan lain, seperti Reiss , Nye dan Reckless menekankan akan pentingnya unsur kawalan external dan internal dalam membentung perbuatan delinkwensi. Namun, bagi Hirschi, delinkwensi lebih disebabkan oleh kegalan kawalan 'external'; iaitu elemen 'Pertalian', 'Penglibatan' dan 'Partisipasi'. Mengikut Hirschi, sejauhmana berjayanya individu dalam meninternalisasikan norma sosial masyarakat adalah bergantung kepada tingkat 'Pertalian' (Attachment) individu dengan orang lain. Pendekatan Hirchi mengenai kawalan 'internal' ini adalah bersamaan dengan pandangan Durkheim dalam 'conscience'. Seperti Durkheim, Hirschi mengutarakan bahawa lebih tinggi degree 'Pertalian' individu dengan masyarakat ; maka individu adalah lebih terikat dengan norma-norma konvensional.

Dalam huraian Hirschi, konsep 'motivasi' adalah tidak diambil-beratkan. Beliau menegaskan adanya suatu komponen kerahsionalan pada diri individu semasa bertindak dengan sosial ; iaitu bersifat secara 'comformiti' terhadap norma-norma sosial. Jadi, apabila kawalan menjadi lemah, adalah tidak perlu merujuk kepada pathologikal motivasi devian.

Boleh dikatakan pendekatan Hirschi adalah penting terutamanya konsep 'ikatan'nya. Individu yang tidak terikat dengan kawalan-kawalan yang bersignifikan selalunya menyebabkan peralihan individu kepada kerja-kerja devian.

Pendek kata, ketiadaan kawalan (samada 'internal' atau 'external') tidak 'menyebabkan' perlakuan illegal tetapi lebih-lebih lagi membiarkan individu bebas memilih perlakuan-perlakuan illegal.

CATATAN KAKI :

- 1) Abdul Hadi Zakaria, Pelacur dan pelacuran Di Malaysia, Utusan Publications & Distributors ,K.L.,1980,m.s.29-30
- 2) Don C. Gibbons, Delinquent Behavior, Prentice-Hall, Inc., 1976, m.s.180
- 3) Cheng Tong Yung, The impact of industrialization upon consumption pattern with special reference to Hong Kong and Singapore, dalam Joyce Lebra and J.Paulson, Chinese women in Southeast Asia, Times Book International, S'pore 1980, m.s.41
- 4) A.S.Mathur dan B.L.Gupta, Prostitute and Prostitution, Agra(India): Asia Press,1965,m.s.12
- 5) International Encyclopedia of the Social Sciences, Vol 11 &12 Macmillan Comp.,m.s.
- 6) Joseph Julian, Social Problems:Sexual Deviance, New York: Meredith Corp.,1973,m.s.239
- 7) Abdul Hadi Zakaria, op.cit.,m.s.25-28
- 8) Kingsley Davis, The Sociology of Prostitution,dalam American Sociological Review,Vol:2:10,1937
- 9) Stanton Wheeler, Controlling Delinquents,John Wiley & Sons Inc.,1968, m.s.1
- 10) Deirdre Wilson, Sexual codes and conduct:A study of teenage girls, dalam C.Smart & B.Smart, Women, Sexuality and social control,Routledge & Kegan Paul Ltd.,1978,m.s.66
- 11) Don C. Gibbons, op.cit., m.s. 4
- 12) Albert K. Cohen, Delinquent Boys---The Culture of the Gang, New York: Free Press,1955,mss.12-13
- 13) Deirdre Wilson, op.cit., m.s.67
- 14) Ini adalah sebagaimana mengikut Seksyen 7(2) Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, terdapat sejumlah ^{345 orang} gadis-gadis yang diadili di bawah akta ini. Ini termasuklah

kira-kira 259kes tersebut adalah terdiri daripada gadis-gadis juvena yang kurang dari lapan belas tahun umur dan sebanyak 133 kes yang lain adalah merka yang berumur diantara sembilan belas tahun - duapuluh satu tahun. Akan tetapi sejumlah 34 kes daripada gadis-gadis juvena dakwaan adalah tidak dapat dikesani disebabkan kehilangan kes-kes tersebut.

- 15) Travis Hirschi, Causes of Delinquency, Berkeley: University of California Press, 1969
- 16) Mariani Mansor, Kelonggaran ikatan sosial dan Jenayah Juvena, Latihan ilmiah, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, 1985, m.s.
- 17) Travis Hirschi, op.cit., m.s. 88,90-91
- 18) Allen E. Liska, Perspectives on deviance, New Jersey: Prentice-Hall Inc., 1981, m.s. 91-92
- 19) Travis Hirschi, op.cit., m.s. 120-130
- 20) Albert Cohen, op.cit., m.s. 110-116
R.A. Cloward & L.E. Ohlin, Theory of Differential Opportunity, dalam Crime and Criminology oleh Sue Titus Reid, USA: The Dryden Press, 1976, m.s. 186
- 21) Walter C. Reckless, Containment Theory, dalam Wolfgang, Marvin & L. Savitza & N. Johnston(eds), The Sociology of Crime and Delinquency, New York: John Wiley & Sons Inc., 1962 , m.s. 401-405
- 22) Albert J. Reiss, Jr., Delinquency as the failure of both Personal and Social Control, American Sociological Review, 1951, m.s. 196-207

PELACUR JUVENA

Dalam bab ini, beberapa aspek yang berhubung dengan kegiatan pelacur-pelacur dikalangan gadis-gadis juvena akan disentuh. Beberapa aspek penting seperti corak perkembangan, tempat pelacuran, bayaran pelacuran, umur responden-responden ; dimana faktor-faktor ini membentuk dan menentukan satu corak hidup bagi gadis-gadis juvena dalam kegiatan pelacuran.

2.1 : Pelacur Juvena di Bandaraya Kuala Lumpur

Kebanyakan teori kriminologi sering menghubungkaitkan jenayah dengan pertumbuhan bandar.¹ Ciri-ciri cara hidup di bandar yang lebih bersifat individualistik dan materialistik ; disamping adanya undur pertentangan norma-norma akibat daripada penghijrahan daripada luar bandar ke bandar lebih menyediakan kawasan bandar sebagai tempat pemberian jenayah yang berkesan.² Ini terbukti dengan kadar kriminal dan perlakuan delinkwensi dikalangan kanak-kanak remaja yang kian meningkat setiap tahun dan kadar peratusannya didapati lebih tinggi di bandar daripada di kawasan 'rural'.

Kegiatan pelacuran memanifestasikan cara hidup urbanisme. Abdul Hadi Zakaria³ misalnya telah menghuraikan pelacuran sebagai suatu kesedaran gerakan wanita dalam memperjuangkan kebebasan sama taraf dengan lelaki. Iaitu dari segi dari segi ketiadaan keseimbangan seksual antara lelaki dan wanita ; dan peluang untuk mendapatkan pekerjaan di-

bandar yang terbatas serta status wanita yang sentiasa dipandang rendah. Pelacuran menurutnya adalah salah satu fenomena urbanisme yang melibatkan unsur-unsur eksplotasi; iaitu dengan penglibatan pelacur dan pelanggan dalam satu 'economic transaction'.

Pelacuran dewasa kini kian dilaporkan dikalangan gadis-gadis berumur di bawah duapuluh satu tahun. Malah, dikalangan mereka yang berumur tiga belas tahun.⁴ Abdul Hadi Zakaria pernah menganggar bahawa di negara ini sekurang-kurangnya mempunyai 2,000 orang pelacur yang di bawah umur duapuluh satu tahun⁵ dan kemudian dengan kiraan 'formula kriminologi' telah menganggarkan sekurang-kurangnya terdapat seramai 8,000 orang pelacur adalah di bawah umur⁶. (1980:30-32)

Zakaria Ismail⁷ semasa membuat kajian di Pulau Pinang telah menganggar bahawa kadar purata perkembangan pelacuran adalah 12.9% setahun. Kadar peratusan ini dipercayai kian meningkat setiap tahun kebelakangan ini. Dengan lain perkataan, lebih ramai gadis di bawah umur yang akan terlibat dalam pelacuran.

Jadual 1.3 menunjukkan jumlah gadis-gadis yang di bawah umur duapuluh satu tahun telah didakwa di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973. Kadar peratusan pertambahan secara purata antara tahun 1984 hingga 1986 ialah 9.6% dan sebanyak 10.8% adalah dikalangan gadis juvena. Manakala kadar peratusan pertambahan gadis-gadis juvena yang

mengakui diri sebagai pelacur ialah 14% antara tahun 1985 hingga 1986. (rujuk kepada jadual 1.5) Ini merupakan satu kadar pertambahan yang tinggi. Namun demikian, kadar peratusan ini mungkin hanya segelintir sahaja jika dibandingkan dengan masalah yang sebenarnya berlaku dimana mereka ini tidak dapat dikesani.

Sememangnya adalah sukar untuk menyatakan jumlah kadar gadis-gadis pelacur yang terdapat di bandaraya Kuala Lumpur secara tepatnya. Kepesatan dan kesibukan bandaraya Kuala Lumpur disamping terdapatnya kemudahan alat-alat moden untuk berhubung, bergerak dan menyembunyikan kesan-kesan perhubungan pelacur-pelanggan ; adalah lebih menyulitkan pengukuasaan peraturan-peraturan formal . Jadi, boleh disimpulkan bahawa kadar dan peratusan peningkatan pelacuran adalah lebih ditentukan oleh darjat kesibukan dan kerahsiaan yang disediakan oleh satu-satu bandar itu.

2.1.1 : Umur Pelacur Juvena

Kemasukan dan kedudukan seseorang gadis dalam strata hirarki pelacuran lebih ditentukan oleh faktor 'umur'. Repada seorang gadis remaja muda yang mempunyai para muka dan tubuh badan cantik akan ditempatkan atau dikategorikan ke dalam kelas yang lebih tinggi daripada kelas seorang pelacur tua. Beberapa istilah telah digunakan bagi menyebut pelacur-pelacur muda ini seperti 'childhood prostitution' yang merujuk kepada umur di antara 12-16 tahun ; dan

'Baby Pros' pula, adalah di antara umur 10-15 tahun.⁸ Namun, kajian ini akan tertumpu pada gadis-gadis juvena yang berumur di antara 10-18 tahun.

kelas umur Jenis Dakwaan	kurang 13 tahun	14- 15 tahun	16- 17 tahun	18 tahun	tidak sebut	JUMLAH
Pelacur	-	6	25	14	-	45
Tukang urut & Pelacur	1	7	34	26	2	80
tukang urut	1	9	15	14	1	40
menafi sebagai pelacur	-	8	31	19	-	58
Berkelakuan liar	-	1	-	4	-	5
Kes-kes tidak dapat dikesani	1	2	22	9	-	34
JUMLAH :	3 (1.2%)	43 (16.4%)	127 (48.4%)	86 (32.8%)	3 (1.2%)	262

Jadual 2.1.1 Kelas Umur Gadis-gadis Dakwaan

Jadual 2.1.1. menunjukkan kelas umur gadis-gadis dakwaan. Purata umur di kalangan gadis-gadis dakwaan ini ialah 16.7 tahun. Ini termasuklah kes-kes dakwaan sebagai 'pelacur' ialah 16.6 tahun ; kes sebagai 'tukang urut dan pelacur' ialah 16.2 tahun ; manakala kes yang menafikan diri sebagai pelacur ialah 16.9 tahun ; dan purata umur sebanyak 17.2 tahun

ialah kes yang dilaporkan sebagai 'berkelakuan liar'.

Terdapatnya 127 kes (48.4%) gadis-gadis yang di-dakwa adalah herumur di antara 16-17 tahun dan 46 kes (17.6%) gadis-gadis adalah di bawah umur 16 tahun. Kebanyakan mereka tidak berpelajaran tinggi serta tidak memiliki sebarang ke-mahiran pekerjaan yang baik. Dalam usia yang seperti ini, mereka mudah terpengaruh dengan keadaan sekeliling.

Sebahagian besar daripada kes-kes yang dikaji menunjukkan gadis-gadis responden pada awal penghidupannya telah mengalami tekanan perasaan akibat daripada beberapa faktor seperti kehilangan tempat bergantung , pertelingkahan kedua ibubapa, penceraian ataupun kekurangan kasihsayang dari kedua ibubapa. Keadaan seperti ini akan mendorong mereka mencari ketenangan ataupun perhatian dengan menyertai kumpulan-kumpulan sosial (social groups) luar bagi melarikan masalah yang mereka hadapi.

2.1.2 : pengkelasifikasi Bangsa Pela cur Juvena.

Jadual 2.1.2 menunjukkan gadis-gadis Cina ham-pir meliputi keseluruhan jumlah kes dakwaan, iaitu sebanyak 196 kes atau 87.1%. Ini termasuklah sebanyak 106 kes atau 54.1% gadis-gadis Cina yang mengakui diri mereka terlibat dalam pelacuran dan sebanyak 88 kes (44.9%) gadis-gadis berbangsa Cina yang menafi diri sebagai pelacur. Namun,

kehadiran gadis-gadis berkenaan di tempat-tempat yang dianggap 'bahaya kepada moral' dapat mempengaruhi dan mendedah gadis-gadis berkenaan kepada perlakuan-perlakuan yang kurang disenangi seperti pelacuran.

Bangsa Jenis Dakwaan	Cina	Melayu	India	Thai	Kaum Asli	JUMLAH
Pelacur	38	6	-	1	-	45
Tukang urut & Pelacur	68	7	1	-	2	78
Tukang urut	33	2	1	1	2	39
menafi sebagai Pelacur	55	3	-	-	-	58
Berkelakuan liar	2	2	-	1	-	5
JUMLAH : *	196 (87.1%)	20 (8.9%)	2 (0.9%)	3 (1.3%)	4 (1.8%)	225 (100%)

Jadual 2.1.2. PENGKELASIFIKASIAN KAUM

Gadis-gadis Cina didapati lebih banyak didakwa di Mahkamah berbanding dengan kaum-kaum lain. Setiap 10 kes yang didakwa , hampir 8 kes daripadanya adalah terdiri dari kaum Cina. Sebab-sebab berlakunya fenomena ini adalah kerana;

a) Ketiadaan didikan keluarga dan kasihsayang dari ibubapa.

Ibubapa lebih sibuk dengan urusan pencarian kekayaan ekonomi.

- b) Keruntuhan keluarga. Sesebuah keluarga Cina lebih banyak dilaporkan mengalami krisis atau berpecah-belah akibat daripada penceraian ibubapa dan sebagainya.
- c) Kekurangan didikan rohani atau agama (sila rujuk kepada 3.6) supaya tidak melibatkan diri dalam perbuatan maksiat.
- d) Kawasan bandar seperti Kuala Lumpur banyak didiami oleh penduduk Cina.⁹ Maka, tidak hairanlah lebih ramai orang berbangsa Cina yang terlibat dalam jenayah.
- e) Adanya permintaan kuat terhadap gadis-gadis Cina pelacur. Ini adalah disebabkan oleh faktor 'warna kulit'. Seseorang pelacur Cina lebih disukai oleh pelanggan daripada pelacur India yang berkulit hitam. Di samping itu, para pegusaha tempat-tempat pelacuran seperti rumah urut, Bar dan Pub lebih suka mencari dan mengupah rekruit-rekruit pelacur muda yang terdiri daripada gadis-gadis Cina.¹⁰

Gadis-gadis berbangsa Melayu meliputi sebanyak 20 kes (8.9%) daripada jumlah kes dakwaan. Gadis-gadis muda Melayu adalah jarang melibatkan diri dalam perlakuan-perlakuan penyelewengan seksual. Mereka lebih dikawal oleh amalan-amalan hidup dan ajaran agama yang ketat ; seperti dilarang berkhawlwat dan dilarang sama sekali melakukan perbuatan penyelewengan norma masyarakat.¹¹ Manakala bangsa lain seperti kaum Asli yang meliputi 4 kes sahaja ; iaitu 2 kes yang terdiri daripada kaum Iban dan 2 kes adalah gadis-gadis berbangsa Bidayuh-Malaysian. Terdapat hanya satu kes gadis pelacur yang berbangsa Tamil dan satu kes gadis Tamil lain yang melakukan

kerja mengurut.

Laura Jackson¹² misalnya telah menegaskan bahawa pelacuran di negara-negara Asia Tenggara harus dipandang sebagai satu corak pekerjaan daripada satu perlakuan devian. Misanya, di Bangkok adalah dianggarkan terdapat sekurang-kurangnya 500,000 orang gadis yang terlibat di dalam pelacuran dan kerja mengurut.¹³ Di negara ini, sebanyak 790 orang pelacur Thai telah berjaya diberkas dan dihantar balik ke negara asal mereka antara tahun 1985 hingga 1987.¹⁴ Mereka sama sekali tidak menganggap pelacuran sebagai sesuatu yang menghinakan tetapi sebagai satu reaksi dari desakan hidup. Malahan, ini telah digalakan oleh ibubapa mereka sendiri. Gadis-gadis Thai ini lebih rela mendapatkan bayaran wang dengan hanya bekerja untuk beberapa jam sahaja daripada bekerja bertungkus-rumus di sawah dan sebagainya.

2.2 : Tempat Perhubungan Pelacur Juvena-Pelanggan

Tempat perhubungan antara pelanggan dan pelacur adalah penting dengan maksud pelacuran dapat dijalankan. Dengan ertikata lain, faktor degree kerahsiaan yang akan dimiliki oleh sesuatu tempat ; iaitu dari diketahui oleh orang amat penting untuk menentu dan menguatkan lagi perlakuan pelacuran.¹⁵

2.2.1. : Rumah urut

Rumah-rumah urut telah banyak didirikan sejak 1970an sebagai satu usaha menjalani kegiatan pelacuran secara

rahsia. Ia adalah reaksi dari serbuan yang kerap kali dilakukan oleh polis ke atas rumah-rumah pelacuran dan hotel-hotel. Mengikut satu laporan dari polis Kuala Lumpur, terdapat sekurang-kurangnya 70-80 rumah urut haram yang masih menjalankan perkhidmatan mengurut dan kerja melacur.¹⁶ Ini banyak terdapat di Jalan Alor, Jalan Imbi, Jalan Bukit Bintang, Jalan Loke Yew, Jalan Chow Kit, dan Jalan Ipoh.¹⁷

Jenis dakwaan Tempat-tempat	Pelacur	Tukang urut & Pelacur	Tukang urut sahaja	menafi sebagai Pelacur	JUMLAH
Rumah urut	-	51 (65.4%)	25 (64.1%)	6 (10.5%)	82 (37.3%)
Rumah Pelacuran	39 (86.7%)	2 (2.6%)	-	25 (43.1%)	66 (30.0%)
Hotel & rumah tumpangan	4 (8.9%)	8 (10.3%)	4 (10.3%)	5 (8.6%)	21 (9.5%)
Coffee house	-	7 (8.9%)	5 (12.8%)	11 (19.0%)	23 (10.5%)
Pusat Kesihatan	-	9 (11.5%)	4 (10.3%)	-	13 (5.9%)
Kedai gunting rambut	-	-	-	5 (8.6%)	5 (2.2%)
Bar, Pub, social escort, lounge & Restauran	2 (4.4%)	1 (1.3%)	1 (2.5%)	6 (10.3%)	10 (4.6%)
JUMLAH :	45	78	39	58	220

Jadual 2.2. JENIS-JENIS TEMPAT SEMASA DAKWAAN BERLAKU

Jadual 2.2 menunjukkan terdapatnya sebanyak 51 kes atau 65.4% gadis-gadis tukang urut mengakui diri melakukan seks dengan pelanggan-pelanggannya di rumah urut. Manakala sebanyak 31 kes menafikan diri terlibat dalam pelacuran di rumah urut. Namun, kehadiran mereka di rumah urut semasa serbuan polis dilakukan adalah dianggap sebagai 'terdedah kepada bahaya moral'.¹⁸

Rumah urut sememangnya merupakan suatu tempat yang amat sesuai bagi menjalankan kegiatan pelacuran secara rahsia. Urusan perhubungan seksual tukung urut-pelanggan akan hanya diuruskan semasa perkhidmatan mengurut diberikan. Menurut Eric Goode ,

"...in the give-and-take interaction between a masseuse and her customer, an agreement can be struck that is technically illegal but difficult to detect and prosecute by the police."¹⁹

Pendek kata, kegiatan pelacuran adalah lebih selamat dijalankan di rumah urut daripada dilakukan di hotel-hotel atau rumah pelacuran.

Daripada kes-kes dakwaan yang dijumpai telah menceritakan bahawa semasa serbuan polis dilakukan ke atas rumah-rumah urut ; gadis-gadis berkenaan adalah bogel badan atau hanya memakai sehelai tuala pendek sahaja dalam memberi kerja mengurut kepada pelanggannya. Ini supaya di samping memberikan perkhidmatan mengurut tetapi juga menyedia dan memudahkan perkhidmatan lain dijalankan dengan persetujuan

tukang urut-pelanggan.

Sememangnya rumah urut bukan sahaja menyediakan tempat perhubungan pelacur-pelanggan yang baik ; tetapi juga mempunyai beberapa kebaikan. Dengan bekerja di rumah urut, gadis-gadis pelacur tidak akan berasa sukar untuk mendapatkan pelanggan-pelanggan. 'Penjualan seksual' hanya diperlukan sekiranya ia diminta oleh pelanggannya. Tambahan lagi, pendapatannya adalah lebih terjamin dan tetap daripada seseorang pelacur biasa. Manakala, di kalangan pelanggan didapati lebih suka mencari pelacur-pelacur di rumah urut. Ini adalah kerama gadis-gadis pelacur di rumah urut seringkali adalah muda (biasanya tidak lebih lapan belas tahun) dan bayarannya juga adalah tidak mahal(biasanya \$30-\$50 sekali).berbanding dengan pelacur-pelacur di luar (\$100-\$180).

2.2.2. : Rumah Pelacuran

Rumah pelacuran hari ini lebih bersifat skil kecil-kecilan dan 'conspicous' daripada dulu.²⁰ Ianya hanya dijalankan secara rahsia dari dikesani oleh pihak berkuasa. Rumah pelacuran boleh difaham-ertikan sebagai ;

"....any place occupied or used by any 2 or more female persons whether at the same time or at different times for the purpose of prostitution"²¹

Jadual 2.2 menunjukkan sebanyak 66 kes atau 30% daripada jumlah kes dakwaan adalah berlaku di rumah pelacuran. Ini termasuk sebanyak 39 kes (86.7%) daripada gadis-gadis

pelacur yang melakukan hubungan seks di rumah pelacuran. Hanya 2 kes gadis-gadis yang terdiri daripada tukang urut yang melacurkan diri melalui rumah pelacuran.

Rumah-rumah pelacuran boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu rumah pelacuran kelolaan 'Madam' atau 'Mummy' ; rumah pelacuran bersifat 'Mess' dan rumah pelacuran bersifat bersendirian. Rumah pelacuran jenis pertama dan kedua memerlukan penglibatan golongan tertentu yang lebih disifatkan sebagai 'orang tengah' dalam perhubungan pelacur-pelanggan. Manakala rumah pelacuran bersifat bersendirian jarang memerlukan penglibatan peranan 'orang tengah'. Ini kerana pelanggan gadis-gadis pelacur kategori ini adalah lebih bersifat tetap dan saling berkenalan.

Rumah pelacuran kelolaan 'Madam' atau 'Mummy' biasanya merupakan satu 'apartment' atau rumah persendirian. Ia dikendalikan oleh seorang bekas pelacur dengan tugas untuk menyediakan kemudahan tempat perhubungan pelanggan-pelacur. Selain itu, ia juga bertanggungjawab untuk mengelakan tempat perniagaannya dari diganggu oleh pihak berkuasa. Gadis-gadis pelacur juvena yang mencari pelanggan melalui rumah pelacuran jenis ini adalah bersifat 'sambilan' (part-time prostitutes) dan dibawa oleh muncikari (pimps) atau datang sendiri. Bagi setiap perkhidmatan pelacuran yang diberi ; gadis-gadis pelacur terpaksa membayar sebanyak 30%-40% dari jumlah bayaran pelacuran itu kepada 'Madam' tersebut.

Rumah pelacuran bersifat 'Mess' lebih bersifat 'private' dan dikendalikan oleh beberapa ahli dalam satu-satu Mess. Rumah pelacuran jenis ini menjadi popular sejak pertengahan 70an lagi. Mess-mess ini umumnya merupakan satu apartment penghiburan milikan beberapa ahli Mess. Tempat-tempat mess ini menjalankan kegiatan pelacuran melalui penawaran gadis-gadis pelacur oleh kumpulan-kumpulan sendiket atau lebih dikenali sebagai 'Tat Kà'. Di Kuala Lumpur , adalah dianggarkan terdapat lebih kurang tigapuluhan kumpulan 'Tat Kà'.²² Setiap kumpulan tersebut 'memelihara' sebanyak 20-30 orang gadis-gadis pelacur muda bagi memenuhi permintaan di Mess-mess. Sebagai balasannya, gadis-gadis pelacur adalah dikehendaki membayar sebanyak \$20-\$30 kepada kumpulan-kumpulan 'Tat Kà' mengikut bayaran pelacuran yang diperolehi (biasanya \$100-\$180). Di samping itu, setiap gadis pelacur juga terpaksa memberi sebanyak 30% sebagai komisen atas kemudahan di Mess. Kemudahan Mess seperti ini banyak terdapat di Choo Cheeng Khay Flats, Jalan Loke Yew ; Sun Kompleks ; Wisma Bonn di Jalan P. Ramlee dan Sam Mansion.²³

Rumah pelacuran jenis bersendirian lebih banyak dijalankan oleh pelacur 'call-girl' atau 'streetwalker' yang berkemampuan mengendalikan perniagaan pelacuran sendiri. Gadis-gadis pelacur jenis ini mempunyai pelanggan-pelanggan tetap yang biasanya dikenali sesama mereka atau dibawa oleh kawan-kawan pelacur kenalan mereka. Rumah pelacuran jenis ini seringkali adalah terdiri daripada apartment, ru-

mah biasa, Flats yang didiami oleh beberapa gadis pelacur atau secara bersendirian.

2.2.3. : Hotel-hotel dan rumah tumpangan

Jadual 2.2 menunjukkan terdapat 21(9.5%) kes dakwaan yang berlaku di Hotel-hotel atau rumah-rumah tumpangan. Ini termasuklah 12 kes (9.8%) pelacuran di kalangan gadis-gadis pelacur yang berlaku di Hotel-hotel. Manakala 9 kes lain dimana gadis-gadis dakwaan menafikan diri terlibat dalam pelacuran di hotel-hotel.

Zakaria Ismail²⁴ semasa membuat kajian beliau di Pulau Pinang telah menyarankan terdapat sebanyak 61.5% daripada pelanggan membuat hubungan seks dengan pelacur-pelacur melalui penjaga-penjaga hotel. Mereka akan dibayar sebanyak 30% sebagai komisen oleh pelacur-pelacur berkenaan atas perkhidmatan sebagai 'orang tengah'.

Namun demikian, kemudahan hotel dan rumah tumpangan dewasa kini tidak merupakan suatu tempat perhubungan pelacur-pelanggan yang baik ; khususnya kepada gadis-gadis pelacur juvena. Ianya mudah dikesani oleh pihak berkuasa, Misanya, pihak polis adalah diberi kuasa di bawah seksyen 4(2) Registration of Guest Act 1965 untuk melancarkan serbuhan di hotel-hotel dan rumah-rumah tumpangan.

2.2.4. : Coffee house, Bar, Pub, kedai gunting rambut,

sosial escort agencies, Lounge dan Restauran

Jadual 2.2 menunjukkan sebanyak 38 kes dakwaan

adalah berlaku di kesemua tempat yang disebutkan di atas. Terdapat 15 kes (40%) daripada 38 kes dakwaan tadi adalah terdiri daripada gadis-gadis yang mengakui diri mereka bekerja sebagai pelayan atau pekerja tempat-tempat dakwaan tersebut. Pendek kata, tempat-tempat tersebutlah yang akan digunakan sebagai tempat perhubungan dengan pelanggan.

Kajian Zakaria Ismail²⁵ telah menunjukkan bar sebagai tempat utama untuk menghubungi pelanggan-pelanggan pelacuran. Pelanggan-pelanggan yang datang ke bar-bar ; selain dari minum dan berbual-bual , ada juga yang membawa pelayan bar keluar untuk 'program' hiburan seterusnya. Namun demikian, di setengah-tengah tempat seperti coffee house ataupun kedai guntung rambut ; ada juga menyediakan kemudahan bilik-bilik khas untuk tujuan kegiatan pelacuran. Ini kerana gadis-gadis juvena di samping didaftarkan sebagai pekerja di tempat-tempat berkenaan ; mereka juga ada menawarkan perkhidmatan seksual jika bayarannya sesuai dan memuaskan.

2.3. : Bayaran Pelacuran

Faktor ekonomi atau bayaran pelacuran yang lumayan seringnya merupakan sebab-sebab utama kemasukan gadis-gadis muda dalam pasaran pelacuran (lihat Jennifer James 1976; Diana Gray 1973 ; Abdul Hadi Zakaria 1980). Desakan ekonomi menjadi semakin ketara apabila seseorang gadis yang telah meninggalkan rumah dan di samping tiadanya pengalaman atau

skil pekerjaan tinggi ; maka, pelacuran merupakan satu 'alternatif' baginya.

Biasanya bayaran untuk perkhidmatan setiap kali pelacuran adalah berbeza atau tidak sama. Kepada seseorang gadis muda pelacur 'call girl' selalunya akan mempunyai kedudukan dan bayaran harga lebih tinggi daripada seorang pelacur 'streetwalker' yang tua. Begitu juga seorang gadis pelacur Cina adalah lebih diminati dan disukai oleh pelanggannya dari seorang pelacur berkulit hitam— iaitu dari segi faktor warna kulit. Selain itu, Zakaria Ismail ²⁶ juga ada menghuraikan bahawa pembayaran pelacuran ada melibatkan perkiraan faktor masa ; dimana bayaran adalah lebih tinggi pada awal bulan dari akhir bulan.

Faktor tempat juga menentukan bayaran pelacuran seperti menurut Abdul Hadi Zakaria.²⁷ Seseorang pelacur pasar di sekitar Jalan Chow Kit adalah mempunyai harga bayaran lebih rendah disebabkan oleh keadaan di sekitar tempat itu yang bersifat 'murah'. Tetapi berbanding dengan seseorang pelacur di bar ; dimana ia mempunyai 'status' lebih tinggi. Selain itu, juga ada faktor-faktor sampingan yang lain seperti memiliki cara-cara memikat pelanggan, tahu bahasa-bahasa lain seperti Inggeris dan sebagainya.

Gadis-gadis juvena yang terlibat dalam pelacuran sememangnya mempunyai tiga jenis atau kategori kelas. Kepada seseorang gadis pelacur yang memiliki ciri-ciri tubuh badan, paras muka menarik dan faktor-faktor sampingan lain akan

ditempatkan pada kelas pertama. Biasanya bayaran pelacuran khas ini adalah \$180. Namun, golongan pelacur kelas ini akan turun kepada kelas kedua setelah beberapa tahun kemudian dan seterusnya kepada kelas ketiga. Bayaran pelacuran kelas kedua ialah \$150 dan kelas ketiga ialah \$100. Di antara ketiga-tiga kelas ini, kelas kedua mempunyai bilangan rekruiti-rekruit pelacur terbanyak sekali.

Boleh dikatakan kebanyakan gadis juvena pelacur dalam menjalankan 'perniagaan seksual'nya memerlukan penglibatan pihak 'orang tengah'; iaitu muncikari (pimp), taukeh-taukeh tempat pelacuran, penjaga-penjaga hotel, ibu ayam (Madam) dan sebagainya. Setiap pelacur terpaksa membayar komisyen kepada golongan 'orang tengah' ini. Ini bermaksud seseorang pelacur dari kelas pertama apabila membayar semua jenis perbelanjaan dan komisyen; ia akan hanya menerima bayaran bersih sebanyak \$90-\$95 sahaja. Begitu juga pelacur-pelacur dari kelas kedua yang akan menerima bayaran bersih sebanyak \$65-\$70 dan kelas ketiga hanya mendapat \$50 bagi setiap perkhidmatan seksual yang diberikan itu.

Namun demikian, pendapatan seseorang 'tukang urut dan pelacur' umumnya adalah tinggi berbanding dengan seorang pelacur persendirian. Untuk setiap perkhidmatan kerja mengurut; seseorang gadis tukang urut akan menerima bayaran bersih sebanyak \$10-\$11. (setelah tolakan komisyen dari taukeh) Seseorang gadis tukang urut juga akan mendapat bayaran bagi setiap perkhidmatan seks (sekiranya diminta oleh pelanggan);

iaitu \$30-\$50 seorang. Sebagai contohnya, katakanlah seseorang tukang urut yang mempunyai purata empat pelanggan sehari ; maka ia akan menerima \$160-\$244 sehari atau berpendapatan lebih kurang \$3,360-\$5,124 sebulan (dianggarkan bekerja sebanyak duapuluh satu hari).

Pendapatan pelacur sememangnya tinggi. Tambahan lagi, pendapatan ini sering dikecualikan dari cukai pendapatan kerajaan. Namun demikian, kita jarang terdengar adanya di kalangan pelacur-pelacur yang menjadi kaya-raya. Wang perolehan mereka selalunya diimbangi oleh perbelanjaan seperti dalam pemakaian, kosmatik dan sebagainya. Walaubagaimanapun, pelacur^{tetap} sering diidam-idamkan oleh setengah-tengah gadis muda disebabkan kehidupannya yang mewah dan senang.

Di samping itu, walaupun perolehan dari pelacuran tinggi ; namun seseorang pelacur juga terpaksa menerima berbagai pulangan risiko (risks) ; seperti kes kemungkinan ditahan oleh polis , penyakit V.D., perbuatan kasar dari pelanggan serta 'stigmatisasi' dari masyarakat keseluruhan-nya. Bagi mereka yang sanggup menerima 'risks' seumpama ini, tentu lebih menjamin dan mengekalkan kedudukannya sebagai pelacur.

2.4. : Penglibatan Juvena dalam Pelacuran

Penglibatan gadis-gadis juvena dalam pelacuran sering dianggap sebagai akibat daripada kegagalan kawalan sosial. Berita kerapkali menyatakan kes-kes gadis remaja

yang malarikan diri dari rumah, perbuatan zina dengan lelaki ataupun pelacuran. Namun demikian, kelihatan ^{perilaku} seumpama ini masih kian bertambah. Penglibatan juvena dalam pelacuran semakin dipandang sebagai suatu 'masalah sosial' yang serius; lebih-lebih lagi, ia merupakan suatu gejala sosial yang kurang sihat di dalam masyarakat itu sendiri.

Penglibatan gadis-gadis juvena dalam pelacuran boleh dibahagikan kepada dua jenis ; iaitu secara sukarela diri dan secara paksaan.

Jenis dakwaan Jenis penglibatan	Pelacur	Tukang urut & Pelacur	Tukang urut sahaja	Berkelakuan Liar	JUMLAH
secara sukarela	32 (71.1%)	66 (84.6%)	34 (87.2%)	5	137 (82.0%)
secara paksaan	13 (28.9%)	12 (15.4%)	5 (12.8%)	-	30 (18.0%)
JUMLAH :	45	78	39	5	167

Jadual 2.4. : Corak Penglibatan Gadis Juvena

2.4.1. : Pelacur Juvena Secara Sukarela

Ia merujuk kepada gadis-gadis juvena yang bertindak secara rasional dan bebas ke atas perbuatan pelacuran.²⁸ Mereka tidak menganggap bahawa penglibatan mereka di dalam pelacuran adalah sesuatu yang merugikan mereka tetapi disebaliknya, mereka sentiasa berpegang kepada berbagai corak

alasan supaya dirinya dapat kekal di dalam pelacuran. Jadual 2.4 menunjukkan sebanyak 137 kes atau 82% daripada jumlah kes dakwaan adalah terdiri daripada kes penglibatan secara sukarela. Mereka tidak dipaksa oleh sesiapa pun. Setengah-tengah kes dakwaan tersebut semasa disoal-selidikkan oleh pihak polis, gadis-gadis responden dengan terus-terangnya menyatakan bahawa mereka 'inginkan wang banyak'. Terdapat sebanyak 98 atau 79.7% kes pelacuran adalah terdiri daripada gadis-gadis pelacur juvena yang rela melibatkan diri di dalam pelacuran sendirinya.

Seseorang gadis juvena pada awalnya mungkin masih teragak-agak dengan penglibatannya di dalam pelacuran; namun, setelah sekian lama ia berada di kota yang merupakan pusat maksiat ; ia lebih terpengaruh dan terpendaya dengan seribu janji dan kata-kata manis orang bandar. Mereka mimpi kan hidup mewah dengan tidak mengambil-kira apa jua langkah yang akan diambil ; termasuklah pemberontakan terhadap adat-adat yang mencengkam kebebasan mereka. Mereka tidak lagi teragak-agak melakukan sebarang delinkwensi kerana mereka menganggap 'semua orang pun berbuat demikian' ; asalkan ini tidak diketahui orang atau pihak berkuasa. Anggapan bahawa 'menjual'nya adalah lebih menguntungkan daripada 'diberi' begitu sahaja.²⁹

Manakala Abdul Hadi Zakaria³⁰ menegaskan pengalaman perhubungan seks di dalam awal penghidupan gadis lebih merupakan salah satu faktor penting kemasukan gadis berkenaan

dalam pelacuran secara sukarela dirinya. Misalnya, mengadakan hubungan seks luar nikah ; dirogol semasa umur kecil ; ditipu atau diceraikan oleh suami atau tunang . Gadis-gadis ini sering dilabel oleh masyarakat dan sosial sebagai 'berzina' sehingga menimbulkan perasaan bahawa diri mereka adalah 'kotor', 'hina' dan sebagainya. Oleh itu, mereka lebih gemar memilih jenis pekerjaan yang kurang disenangi seperti pelayan bar dan kelab malam, tukang urut ataupun kerja-kerja yang ada bersangkutan dengan pelacuran. Ini seperti menurut N. Davis bahawa ;

" Female promiscuity virtually guarantees loss of status in our majority culture. The labeling implies by such loss of status may be an important step in the process by which a woman comes to identify with, and thus begins to see as a viable alternative, a 'deviant' life-style such as prostitution." ³¹ (1971:305)

Jadual 2.4.1. menunjukkan sebanyak 151 atau 67.1% kes dakwaan gadis-gadis juvena yang telah mempunyai pengalaman awal seks. Hanya 3 kes (1.3%) dimana gadis-gadis berkenaan masih merupakan dara lagi. Kebanyakan kes-kes dakwaan juga menunjukkan bahawa gadis-gadis berkenaan telah mengadakan hubungan seks dengan teman lelakinya ; iaitu meliputi sebanyak 61.3%). Kegiatan hubungan seks dengan lelaki di kalangan gadis-gadis muda yang mungkin diberi ganjaran berbentuk wang ataupun hadiah dimana akan mengubah

Perkara Jenis dakwaan	Teman lelaki	Suami	Dirogol	Masih dara	tidak sebut	JUMLAH
Pelacur	40 (88.9%)	1 (2.2%)	1 (2.2%)	-	3 (6.7%)	45
Tukang urut & Pelacur	59 (75.6%)	-	3 (3.9%)	-	16 (20.5%)	78
Tukang urut sahaja	10 (25.6%)	2 (5.1%)	3 (7.7%)	1 (2.6%)	23 (5.9%)	39
Menafi sebagai Pelacur	24 (41.4%)	2 (3.4%)	1 (1.7%)	2 (3.5%)	29 (50.0%)	58
Berkelakuan Liar	5 (100.0%)	-	-	-	-	5
JUMLAH :	138 (61.3%)	5 (2.2%)	8 (3.6%)	3 (1.3%)	71 (31.6%)	225 (100.0%)

Jadual 2.4.1. : PENGALAMAN AWAL SEKS GADIS-GADIS DAKWAAN

sikap dan tanggapan gadis-gadis berkenaan terhadap kegiatan seksual. Gadis-gadis seperti ini menurut Greenwald (1970:167) memandang seksualiti mereka sebagai, " as their primary means for gaining status" atau menganggap seks sebagai " a status tool is exploited to gain male attention"³². Ini terbukti sejumlah 99 kes (80.5%) gadis-gadis pelacur adalah pernah mengadakan hubungan seks dengan teman lelakinya.

Terdapat 8 kes (3.6%) dimana gadis-gadis berkenaan telah dirogol oleh lelaki. Ini termasuklah 2 kes daripadanya

adalah dirogol oleh lelaki yang tidak dikenali dan tanpa pengetahuan ibubapa gadis-gadis berkenaan. Manakala 3 kes lain adalah dirogol oleh teman lelaki gadis-gadis berkenaan sebelum ditipu menjadi pelacur di Kuala Lumpur. Terdapat juga satu kes lain dimana gadis berkenaan telah diperkosa oleh bapa saudaranya dan seterusnya melibatkan diri dalam pelacuran. Penglibatan gadis-gadis yang pernah dirogol dan seterusnya melibatkan diri di dalam pelacuran sememangnya disebabkan oleh adanya tekanan perasaan ; seperti rasa bersalah, malu dan perasaan kehilangan 'self-esteem'.³³

Terdapat hanya 5 kes (2.2%) gadis-gadis dakwaan yang pernah berkahwin ; iaitu 2 kes daripadanya melaporkan gadis-gadis berkenaan telah bercerai dengan suaminya. Manakala, terdapat satu kes gadis terpaksa melacurkan diri untuk menyara hidupnya disebabkan dipenjarakan atas dakwaan penagihan dada.

A

2.4.2. : Pelacuran secara paksaan

Menurut jadual 2.4 terdapat 30 atau 18% daripada jumlah kes dakwaan adalah merupakan jenis penglibatan gadis-gadis secara paksaan. Ini termasuklah sebanyak 25 kes atau 20.3% daripadanya adalah terdiri dari kes-kes pelacuran paksaan. Pelacuran yang bersifat paksaan di kalangan gadis-gadis juvena lebih kerapkali melibatkan golongan-golongan tertentu sebagai titik tolak kepada pelacuran. Golongan-golongan ini kemungkinan terdiri daripada suami, tunang, teman lelaki (muncikari ?!), rakan-rakan sebaya, ibu atau bapa tiri, pakcik angkat atau lain-lain waris mereka sendiri.

Jenis dakwaan Corak Paksaan	Pelacur	Tukang urut & Pelacur	Tukang urut sahaja	JUMLAH
dari Teman lelaki	10 (76.9%)	11 (91.7%)	4 (80.0%)	25 (83.3%)
dari Rakan- rakan sebaya	2 (15.4%)	1 (8.3%)	-	3 (10.0%)
dari ibu tiri	1 (7.7%)	-	-	1 (3.3%)
dari Suami	-	-	1 (20.0%)	1 (3.3%)
JUMLAH :	13	12	5	30 *

Jadual 2.4.2. : CORAK PAKSAAN GADIS-GADIS DAKWAAN

Jadual 2.4.2. menunjukkan terdapat 30 kes adalah kes pelacuran secara paksaan. Hampir 21 kes atau 84% gadis-gadis pelacur adalah dipaksa oleh teman-teman lelaki mereka di dalam menjalankan pelacuran. Mahakala terdapatnya 3 kes atau 10% adalah akibat daripada pujuhan atau paksaan dari rakan-rakan sebaya. Terdapat juga satu kes gadis pelacur yang hanya berumur lima belas tahun telah dipaksa oleh ibu tirinya dalam pelacuran.

Ramai pengkaji menganggap hubungan dengan muncikari lebih memudahkan pergerakan gadis di dalam pelacuran. Gadis-gadis pelacur seringkali dipujuk, dipukul dan dikawal ketat oleh muncikari apabila didapati mereka tidak menurut kata-kata mereka. Ini termasuklah pengawalan dari

segi fizikal badan dan pendapatan ekonomi. Gadis-gadis pelacur di sebaliknya pula, hanya akan diberi sebahagian kecil daripada jumlah pendapatan wang pelacuran sebagai perbelanjaan sendiri sahaja. Mereka yang terlibat sememangnya tidak mempunyai pilihan dan didapati adalah terlalu lemah untuk mengadu kepada orang lain tentang perlakuan mereka.

Walaubagaimanapun, hubungan antara muncikari dan gadis pelacur biasanya tidak berpanjangan ; lebih-lebih lagi, di kalangan gadis-gadis juvena.³⁴ Hubungan muncikari-gadis pelacur berakhir apabila berlakunya pemutusan hubungan sesama mereka atau pengenalan dengan muncikari baru ; ataupun gadis-gadis berkenaan telah diselamatkan oleh pihak berkuasa. Namun demikian, pada umumnya, gadis pelacur terpaksa membayar sejumlah wang kepada muncikari sebagai wang pampasan pemutusan hubungan mereka.

Hubungan muncikari-pelacur sememangnya adalah suatu perkara yang sukar difaham-jelaskan. Ianya adalah sukar untuk dinyatakan samada untung atau tidak kepada pelacur. Sekiranya tidak, mengapakah gadis-gadis pelacur memerlukan muncikari dalam penghidupannya sebagai pelacur ? Jennifer James³⁵ misalnya menyarankan tiga kepentingan hubungan antara pelacur dan muncikarinya ; iaitu dari segi peranan sebagai muncikari ; kepentingan perniagaan dan kepentingan 'affection'.

Dari segi peranannya, ia sering berlagak sebagai teman lelaki atau kekasih kepada gadis pelacur. Di sebalik

peranannya itu, ia juga berperanan sebagai seorang suami — dalam erti kata menyediakan tempat bergantung kepada gadis berkenaan ; ataupun sebagai 'bapa' yang cuba mendisplin dan memberi nasihat kepada gadis.

Dari segi kepentingan 'perniagaan seks', seseorang muncikari di samping menikmati hubungan seks percuma ; ia juga merupakan 'boss' kepada gadis pelacur. Dia akan membuat hubungan dengan pelanggan-pelanggan, memberi pertunjuk dan menguruskan jadual waktu kerja untuk gadis pelacur. Hubungan muncikari dengan gadis pelacur dalam keadaan ini adalah + semata-mata 'business' sahaja ; iaitu untuk mendapat bayaran yang lumayan.

Kegiatan pelacuran dalam masyarakat umumnya masih dianggap sebagai suatu perlakuan yang bersifat anti-sosial dan bertentangan dengan norma sosial. Pelacur-pelacur juga seringnya tidak diterima baik oleh masyarakat. Mereka lebih kerap kali dipandang rendah, dikeji dan dihina oleh ahli masyarakat. Keadaan ini telah memberi peluang kepada muncikari untuk berperanan sebagai 'penyokong' kepada gadis pelacur. Ia bukan sahaja memberi galakan dan pujukan ; tetapi juga dari segi 'affection' kepada gadis pelacur. Ini supaya perlakuan mereka ini sekurang-kurangnya terdapat sebilangan kecil orang yang dapat memahami dan menerima mereka ; iaitu golongan muncikari.

Selain itu, pelacuran bersifat paksaan di kalangan gadis-gadis pelacur juga termasuk penglibatan oleh kumpulan-

kumpulan sendiket haram. Gadis-gadis pelacur yang terlibat sering menerima pengawalan ketat oleh kumpulan sendiket haram. Mereka tidak mempunyai sebarang kebebasan untuk menghubungi masyarakat luar dan segala urusan mengenai pelacuran adalah dikendalikan oleh kumpulan sendiket haram.

Boleh disimpulkan di sini bahawa penglibatan gadis-gadis juvna dalam pelacuran samada bercorak paksaan ataupun sukarela diri sendiri sememangnya memaparkan gejala keruntuhan moral di kalangan mereka. Mereka lebih dipengaruhi oleh unsur-unsur budaya kuning daripada budaya konvensional. Lebih-lebih lagi, kawalan dari institusi-institusi sosial telah mengalami kegagalannya dalam mensosialisasikan generasi muda hari ini ; tetapi lebih menyediakan mereka membentuk corak hidup dan sistem nilai kumpulan masing-masing.

CATATAN KAKI :

- 1) Abdul Hadi Zakaria, Pelacur dan Pelacuran di Malaysia, Utusan Publications & Distributors, K.L. 1980, m.s. 86-88
- 2) Cinard, M.B. and Abbott D.J., Crime in Developing Countries, New York: A Wiley-interscior Publication, 1973, m.s. 85-101
- 3) Steven Box, Deviance, Reality and Society, Oxord Press, 1982, m.s. 132-134
- 4) Abdul Hadi Zakaria, Pelacuran sukarela sebagai 'women liberation', dalam Manusia dan Masyarakat: jilid 1, 1978, m.s. 44-45
- 5) Sila kepada Jadual 2.1.1.: Kelas Umur gadis-gadis dakwaan Terdapat sebanyak 17.6% daripada gadis-gadis dakwaan telah mengalami hubungan seks awal semasa umur 13-15 tahun. Di antaranya terdapat satu kes di mana gadis berkenaan telah dirogol semasa umur tiga belas tahun dan kemudiannya terlibat di dalam pelacuran.
- 6) Abdul Hadi Zakaria, op.cit., 1980, m.s. 31-32
- 7) Zakaria Ismail, Pelacuran di Pulau Pinang, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1976, m.s.
- 8) Donald J. Shoemaker, The Teeniest Trollops: 'Baby Pros', 'Chickens' and Child Prostitutes, dalam Clifton D. Bryant, Sexual Deviancy in Social Context, New York: New Viewpoints 1977, m.s. 246
- 9) Dengan merujuk kepada 'General report of the population Census 1980: Department of statistics Malaysia 1983 (Vol: 1 m.s. 21-22) telah memberi penjelasan bahawa kawasan-kawasan urban di negara ini antara 1980an banyak didiami oleh kaum Cina; iaitu sebanyak 50.3% daripada jumlah penduduk kaum lain. Kaum Melayu meliputi 37.9% dan 11% adalah di kalangan kaum India.

- 10) Laura Jackson, Prostitution, dalam Joyce Lebra dan J. Paulson, Chinese women in Southesast Asia, Singapore: Times Book International, 1980, m.s.46
- 11) Abdul Hadi Zakaria, op.cit., 1975, m.s.38
- 12) Laura Jackson, op.cit., m.s.32
- 13) Pasuk Phnongpaichit, From peasant girls to Bangkok masseuses, Women, work & Development 2, International Labour Office, Geneva, Switzerland, 1982, m.s.7
- 14) Shin Min Daily News, K.L., 31hb.Julai 1987
- 15) Steven Box, op.cit., m.s.132-134
- 16) Nanyang Siang Pau Press, 8hb. Jun 1985
- 17) Lim Fong, Shin Min Daily News, 6hb.Julai 1987
- 18) Merujuk kepada Seksyen 7(2) Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973
- 19) Erich Goode, Deviant Behavior, New Jersey:Prentice-Hall, Inc., 1978, m.s.340-341
- 20) Charles H.McCaghy, Deviant Behavior, Macmillan Publishing Co., Inc., 1978, m.s.350
- 21) Seksyen 2 Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973
- 22) Lim Fong, op.cit., 19hb.Jun 1987
- 23) -ibid-
- 24) Zakaria Ismail, op.cit., m.s.105-112
- 25) -ibid-., m.s.116-117
- 26) Zakaria Ismail, op.cit., m.s.119-120
- 27) Abdul Hadi Zakaria, op.cit., m.s.69
- 28) Jennifer James, Motivations for entrance into Prostitution, dalam Laura Crites, The Female Offender, Lexington Books, D.C.Health & Comp., 1976, m.s.177

- 29) Charles H. MC Caghy, op.cit., m.s.355
- 30) Abdul Hadi Zakaria, op.cit., 1980, m.s.88-90
- 31) Nanette J. Davis, The Prostitute: Developing a Deviant Identity, James M. Henslin, ed., Studies in the Sociology of Sex, New York: Appleton Century-Crofts, 1971, m.s.302-305.
- 32) Harold Greenwald, The Elegant Prostitute, New York: Ballantine Books, 1970, m.s.167
- 33) Jennifer James, op.cit., m.s.187
- 34) Gerald M. Caplan, The Facts of Life about Teenage Prostitution dalam Crime and Delinquency, Vol:30 Januari 1984, m.s.72
- 35) Jennifer James, op.cit., m.s.180-183

Beberapa penulis memutuskan untuk berbagi pengalaman di masa kecil mereka untuk mendapat keterwujukan kembali, seperti yang dilakukan oleh seorang penulis yang berlatih di jalur keluarga (Kemp 1936 ; Chavis 1967 ; Nasrav 1967 ; Brooklyn 1968 ; Greenwald 1970 ; Mc Caghy 1971 dan Scott 1973). Ini juga ditegaskan bahwa "Terdapat banyak faktor-faktor sosial dan psikologis yang berpengaruh terhadap kebutuhan pengalaman seksual dan dengan gak-le-gak itu sendiri adalah disebutkan "A lack of affection and support at home".

Dengan itu, penulis juga ada sejumlah kumpulan buku-buku buku lain yang buang menggunakan gak-le-gak dengan kebutuhan ke arah psikologis. Ini ditinjau akibat dari pada kebutuhan akan kelengkapan berasal dari diri.

Pelacur Juvena Dan Ikatan Sosial

Dalam bab ini, akan membincangkan hubungan antara kawalan atau ikatan sosial dan pelacur juvena. Ikatan sosial meliputi institusi-institusi seperti keluarga, sekolah atau kumpulan-kumpulan sosial lain yang berkait rapat dengan juvena. Ramai pengkaji menganggap perlakuan delinkwensi di-kalangan juvena wujud kerana kegagalan ikatan tersebut. Ini lebih memberi kesan kepada seseorang gadis remaja daripada lelaki remaja. Gadis-gadis remaja lebih disifatkan sebagai 'home-oriented' dan sebarang keburukan berlaku ke atas keluarga misalnya amat mempengaruhi perlakuannya kelak.¹

Beberapa pengkaji membuat kesimpulan bahawa pengalaman di masa kecil gadis-gadis akibat daripada keku-rangan kasihsayang, pertelingkahan atau penceraian yang ber-laku di dalam keluarga lebih membawa mereka ke jalan pelacuran. (Kemp 1936 ; Chmisy 1961 ; Maerov 1965 ; Esselstyn 1968 ; Greenwald 1970 ; N.Davis 1971 dan Gray 1973). Ini juga di-tegaskan oleh R.C. Trojanowicz bahawa kelakuan penyelewengan seksual di kalangan gadis-gadis juvena adalah disebabkan " a lack of affection and support at home".²

Di samping itu, penulis juga ada menyentuh kumpulan-kumpulan sosial lain yang banyak mempengaruhi gadis-gadis juvena ke arah pelacuran. Ini ditinjau akibat daripada ke-gagalan atau kelonggaran kawalan sosial.

3.1 : Ikatan Keluarga

Keluarga merupakan agen primari atau kawalan sosial yang penting dalam mensosialisasikan generasi muda. Ia secara langsung mempunyai pengaruh yang besar di dalam pembentukan salasilah dan perkembangan nilai dan sikap seseorang itu. Begitu juga dalam hal pembentukan corak hidup dan kejayaan masa depan ahlinya. Maka, boleh dikatakan bahawa peranannya bukan hanya setakat dalam mempengaruhi perkembangan struktur kawalan internal (conscience) sahaja ; tetapi juga melalui corak-corak disiplin dan kawalannya, lebih menentukan kepentingan peranan keluarga ke atas proses kawalan sosial external.

The Gluecks(1950)³ misalnya menyarankan keluarga bertanggungjawab ke atas kewujudan delinkwensi ; iaitu "home of little understanding, affection, stability or moral fibre" dimana ini mempengaruhi remaja di dalam "readily give expression to their untamed impulses and their self-centered desires by means of various forms of delinquent behavior".

Bagi Don Gibbons, sebab utama gadis remaja berkelakuan delinkwen adalah kerana kekurangan 'affectional' dari ibubapa.⁴ Edwin H. Sutherland dan Donald R. Cressey⁵ misalnya telah menggariskan enam jenis keluarga delinkwensi ;

- a) Keluarga yang terdiri daripada ahli-ahlinya yang 'immoral'; kakibotol atau penjenayah.
- b) Keadaan keluarga dimana tiadanya satu atau kedua-duanya ibubapa.
- c) Keadaan keluarga yang bebas dari pengawalan ibubapa.

- d) Keadaan keluarga bersaiz besar (terdiri daripada ahli keluarga yang ramai) dan ibubapa bersifat 'favoritism' atau 'severity' terhadap anak-anak mereka.
- e) Keadaan keluarga yang tiada rasa persefahaman atau sepakat hati atau terdiri daripada keluarga tiri.
- f) Keadaan keluarga yang mengalami krisis ekonomi.

Jenis keluarga delinkwensi oleh Sutherland dan Cressey ini kelihatan lebih menekankan sistem institusi sosial yang menghasilkan delinkwensi. Ia mementingkan elemen-elemen persekitaran (misalnya kawalan-kawalan sosial) yang akan menentukan tingkat delinkwensi di kalangan remaja. Ini agak berbeza dengan perbincangan psikologi mengenai peranan keluarga. Perbincangan mengenai pengalaman awal individu di-dalam keluarga adalah penting dalam psikologikal ; dimana personaliti dan motivasi (meliputi keinginan, dorongan dan kehendak) individu akan terbentuk. Apabila keluarga gagal berperanan, individu seolah-olahnya kehilangan tempat bergantung atau sokongan psikologikal dan bertindak konflik dengan sosial. Maka, delinkwensi ujud.

3.1.1 : Keruntuhan keluarga (Broken Homes)

Keruntuhan keluarga merujuk kepada situasi yang berlaku dalam sesebuah keluarga itu ; seperti kematian, perceraian ataupun perpisahan hidup yang menyebabkan kehilangan salah satu dari kedua ibubapa atau kehilangan kedua-duanya. Ramai ahli kriminologs menganggap bahawa lebih banyak kenakalan (delinkwensi) yang dilakukan oleh remaja yang berasal

dari 'broken homes' daripada keluarga yang sempurna (intact family). (The Gluecks: 1950 ; Monahan: 1958 dan S. Cavan: 1957)

Corak dakwaan Corak latarbelakang keluarga	Pelacur	Tukang urut & Pelacur	Menafi sebagai Pelacur	Berkelakuan liar	JUMLAH
Ibubapa bersama	30	43	58	3	134 (59.6%)
*Bapa meninggal	4	5	6	-	15 (6.7%)
*Ibu meninggal	-	6	3	-	9 (4.0%)
*Kedua-dua ibu-bapa meninggal	2	3	3	-	8 (3.6%)
Ibubapa bercerai @ pisah hidup	5	13	16	1	35 (15.6%)
Ibubapa tidak selalu bersama	2	8	11	1	22 (9.8%)
Tidak sebut	2	-	--	-	2 (0.9%)
JUMLAH :	45	78	97	5	225

Jadual 3.1 : CORAK LATARBELAKANG KELUARGA

* menandakan kes-kes keluarga yang berpecah-belah (keruntuhan keluarga).

Jadual 3.1 menunjukkan sebanyak 89 (39.6%) kes daripada jumlah kes dakwaan gadis juvena adalah berasal dari 'keruntuhan keluarga'. Ini termasuklah sejumlah 32 atau 14.2%

kes daripadanya yang menunjukkan kematian ibubapa gadis-gadis dakwaan. Manakala 35 kes (15.6%) dimana ibubapa gadis-gadis dakwaan telah bercerai hidup dan 22 kes (9.8%) menunjukkan ibubapa gadis-gadis dakwaan jarang bersama disebabkan bapa beristeri banyak atau bekerja luar dari rumah. Sebaliknya, mereka sering dipelihara dari sejak kecil lagi oleh ibu atau bapa tiri ataupun saudara-mara yang selalunya diberi pengawalan atau kasihsayang yang longgar.

Terdapat 48 kes atau 39% daripada sejumlah 123 kes gadis-gadis pelacur juvena adalah berasal dari keluarga yang tidak aman. Manakala 73 kes (59.4%) gadis-gadis pelacur juvena adalah datang dari keluarga yang sempurna. Ini bermakna lebih ramai gadis-gadis pelacur yang berasal dari keluarga yang sempurna daripada keluarga yang berpecah-belah. Dengan erti kata lain, pepecahan atau keruntuhan keluarga tidak menjadi satu faktor penting dalam penglibatan anak-anak gadis keliaran seksual dan pelacuran. Akan tetapi faktor 'kesan' dan 'mutu hubungan' di kalangan ahli-ahli keluarga itu ; terutama di antara anak-anak dengan ibubapa/penjaga juga harus diambil-kirakan.⁶ Kanak-kanak yang lebih kerap melakukan delinkwensi seringnya terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai ikatan kuat dengan ibubapa⁷ dan yang kurang mendapat kasihsayang atau jagaan baik pada awal penghidupannya dari ibubapa.⁸

Namun demikian, tidaklah semua kanak-kanak yang datang dari keluarga yang tidak lengkap akan melakukan perbuatan keliaran seperti pelacuran. Perubahan di dalam keluarga

akibat daripada kehilangan atau kematian di kalangan ibubapa mungkin tidak memberi kesan ke atas gadis-gadis yang lebih bersifat tabah ataupun disebabkan hubungan dan pertalian sesama mereka tidak rapat.

3.1.2 : Keluarga Sempurna (Intact Family)

Ia merujuk kepada keadaan dimana adanya ibubapa asal tinggal bersama dalam keluarga. Jadual 3.1 menunjukkan sebanyak 134 (59.6%) kes daripada jumlah gadis-gadis dakwaan dan 73 (59.4%) kes daripada jumlah gadis-gadis pelacur adalah datang dari keluarga yang lengkap.

Sheldon dan Eleanor Glueck (1968)⁹ misalnya telah menghuraikan sebuah keluarga yang bersifat sempurna atau stable adalah sekurang-kurangnya terdapat salah satu dari kedua ibubapa, dimana dapat mewujudkan hubungan fizikal dan 'affectional' yang berterusan kepada anak-anaknya. Ketiadaan bapa di rumah disebabkan urusan kerja di luar , tidak akan membawa delinkwensi oleh anak-anaknya sekiranya peranan ibu lebih berpengaruh. Bagi Hirschi, samada 'broken homes' atau 'intact family' tidak merupakan soal penting kewujudan juvena delinkwensi ; tetapi faktor pertalian dan kasihsayang yang akan dicurahkan oleh keluarga.¹⁰

Jadual 3.1.2. menunjukkan bahawa daripada 134 kes gadis-gadis dakwaan yang berasal daripada keluarga sempurna. Kebanyakan ibubapa gadis-gadis dakwaan adalah kurang mengambil-berat tentang hal dan gerakgeri anak-anak di luar. Di sebaliknya, ibubapa mereka lebih sibuk dengan urusan kerja masing-

masing (sebanyak 84 kes atau 62.7%) ; atau mengidapi penyakit serta terlalu uzur untuk mengawal gerakgeri anak-anak mereka di luar (iaitu sebanyak 12 kes atau 9%).

Jenis dakwaan Keadaan dalam keluarga	Pelacur	Tukang urut & Pelacur	Menafii sebagai Pelacur	Berkelakuan Liar	JUMLAH
Ibubapa bekerja dan sibuk	19	36	26	3	84 (62.7%)
Ibu atau bapa yang bekerja	7	6	25	-	38 (28.3%)
Ibubapa yang uzur	1	3	2	-	6 (4.5%)
Ibu atau bapa mengalami penyakit	1	-	5	-	6 (4.5%)
JUMLAH :	28	45	58	3	134

Jadual 3.1.2. : SUASANA KEADAAN DALAM KELUARGA SEMPURNA GADIS*GADIS DAKWAAN

* menandakan jumlah 134 diambil dari Jadual 3.1 Corak Keluarga berjenis 'intact family'.

Sifat ibubapa yang terlalu ke arah memperbaiki kedudukan ekonomi keluarga ataupun sibuk dengan urusan peribadi seumpama ini mungkin menimbulkan rasa 'penolakan' oleh anak-anak mereka. Rasa penolakan atau pengabaian (rejection) seperti ini lebih memberi kesan di kalangan gadis-gadis remaja. Mereka sering dilaporkan terlibat dengan kes-kes melarikan diri dari

rumah (sila rujuk bahagian 3.1.3.) akibat daripada kekurangan kasihsayang dalam keluarga.

F.Ivan Nye¹¹ misalnya dalam menghuraikan faktor keluarga dengan perlakuan delinkwen gadis juvena ; telah membincang delinkwensi adalah disebabkan timbulnya 'disharmoni' dalam keluarga. Ia merujuk kepada masalah 'tension' di kalangan ibubapa seperti percaduhan, sifat memusuhi sesama dalam keluarga ; suasana 'hostility' ataupun pertelingkahan. Gadis-gadis yang berada dalam suasana disharmoni ini akan mengalami ketidak-seimbangan perkembangan struktur 'inner' personaliti dan seterusnya melahirkan rasa 'kebimbangan'(anxiety) terhadap kejadian-kejadian yang wujud di sekeliling mereka. Kecenderungan gadis-gadis ke arah melakukan delinkwensi (seperti pelacuran) mungkin dianggap sebagai satu cara untuk memendamkan rasa kebimbangan ataupun menarik perhatian keluarga mereka.¹²

3.1.3. : Perbuatan mlarikan diri

Perbuatan mlarikan diri dari rumah atau sekolah kerap kali dilaporkan di kalangan gadis-gadis remaja. Di negara ini antara tahun 1986 , terdapat sebanyak 1,503 kes hilang diri adalah terdiri daripada kanak-kanak yang berumur tidak lebih daripada sembilan belas tahun dan sebanyak 54.1% daripadanya adalah terdiri daripada kanak-kanak perempuan.¹³ Perbuatan mlarikan diri dari rumah seumpama ini boleh dikaitkan dengan faktor kedisharmonian dalam rumah tangga yang bersifat berpecah-belah ataupun kurangnya kemudahan rekreasi dalam

keluarga ; sehingga menyebabkan gadis-gadis lebih cenderung untuk mencari keseronokan mereka di luar.¹⁴

Sebab-sebab yang membawa kepada perbuatan melarikan diri dari rumah sememangnya adalah berkisar di sekitar masalah keluarga ;

- a) Suasana keluarga, dimana wujudnya masalah 'tension' di kalangan ibubapa.
- b) Tiadanya kasihsayang atau sosialisasi positif dari ibubapa. Ini sering berlaku apabila wujudnya kegagalan berkomunikasi di antara ibubapa dan remaja.
- c) Desakan atau pengaruh dari kawan-kawan sebaya (dimana peranan keluarga kini kurang berkesan).
- d) Suka berangan-angan atau mempunyai rasa impian akan cara hidup di kotaraya.
- e) diculik atau dipaksa oleh kumpulan-kumpulan sendiket haram supaya melibatkan diri dalam kegiatan jenayah.

Jadual 3.1.3. menunjukkan lebih ramai gadis yang datang dari keluarga yang sempurna terlibat dengan kes melarikan diri (iaitu sebanyak 51kes atau 62.9%) berbanding dengan jumlah bilangan gadis yang berasal dari 'broken homes' (sebanyak 29 kes atau 35.9%). Kebanyakan gadis-gadis ini kurang mendapat perhatian serta pengawalan oleh ibubapa dan seringkali menghilangkan diri dalam masa beberapa bulan tanpa pengetahuan keluarga. Dalam jangkamasa itulah, mereka bergaul rapat dengan kawan-kawan sebaya ataupun teman lelaki dalam menjayakan sesuatu delinkwensi seperti pelacuran. Kajian telah dapati bahawa sebanyak 61kes gadis-gadis pelacur yang melarikan diri

dari rumah telah terlibat di dalam pelacuran ; iaitu hampir separuh daripada jumlah kes pelacuran (sebanyak 123 kes). Tanpa pengawalan dan penjagaan dari pihak-pihak bersignifikan (seperti Keluarga), gadis-gadis berkenaan adalah lebih bersifat bebas dan liar kelakuannya. Ini termasuklah pergaulan bebas dan keliaran seksual dengan lelaki. Ini dapat dilihat melalui kes-kes dakwaan 'berkelakuan liar' yang dilaporkan oleh ibubapa ke atas anak-anak mereka yang telah mlarikan diri dari rumah dan melakukan kebebasan seks dengan lelaki serta menagih dadah.

Jenis dakwaan Latarbelakang keluarga	Pelacur	Tukang urut & Pelacur	menafi sebagai Pelacur	Berkelakuan Liar	JUMLAH
Ibubapa bersama	19	17	12	3	51 (62.9%)
Bapa @ Ibu meninggal	1	5	-	-	6 (7.4%)
Kedua ibubapa meninggal	-	2	-	-	2 (2.5%)
Ibubapa bercerai @ pisah hidup	3	10	3	-	16 (19.8%)
Ibubapa tidak selalu bersama	2	1	1	1	5 (6.2%)
Tidak sebut	1	-	-	-	1 (1.2%)
JUMLAH :	26	35	16	4	81

Jadual 3.1.3.: HUBUNGAN MELARIKAN DIRI DENGAN CORAK LATARBELAKANG KELUARGA GADIS-GADIS DAKWAAN

Dari laporan rasmi polis mengenai kes-kes menghilangkan diri sepanjang tahun 1986 telah dapti bahawa di-Semenanjung Malaysia sahaja mempunyai purata bulanan di kalangan juvena adalah sebanyak 125kes. Akan tetapi, jumlah bilangan kes-kes dimana gadis-gadis berkenaan yang dapat dijumpai masih rendah. Misalnya, dalam tahun 1986, hanya dengan purata nisbah sebanyak 3 : 1 sahaja yang dapat dijumpai. Kebanyakannya gadis-gadis berkenaan telah dijumpai di rumah urut, bar, Pub, coffee house ataupun 'social escort' semasa serbuan polis dilakukan.

3.2. : Bilangan adik-beradik

Jenis dakwaan Bilangan adik-beradik	Pelacur	Tukang urut & Pelacur	menafi sebagai Pelacur	Berkelakuan Liar	JUMLAH
Kurang dari 10 beradik	3	8	8	1	20 (8.9%)
9-7 beradik	12	27	25	-	64 (28.4%)
6-4 beradik	17	26	38	3	84 (37.3%)
3-1 beradik	9	11	17	1	38 (16.9%)
Tidak sebut	4	6	9	-	19 (8.5%)
JUMLAH :	45	78	97	5	225

Jadual 3.2. : Bilangan adik-beradik gadis-gadis dakwaan

Jadual 3.2. menunjukkan sebanyak 74.6% atau 168 kes gadis-gadis dakwaan adalah berasal dari keluarga yang mempunyai lebih dari tiga adik-beradik. Terdapat sebanyak 93 kes (75.6%) adalah gadis-gadis pelacur yang datang dari keluarga yang terdiri daripada bilangan ahli yang ramai.

Bagi Hirschi, sesebuah keluarga yang bersaiz besar lebih menentukan kemungkinan kewujudan delinkwensi keluarga tersebut.¹⁶ Ianya menjadi lebih ketara lagi dalam sebuah keluarga yang miskin. Kekurangan perolehan dalam keluarga menjadi masalah untuk menampung jumlah bilangan anggota keluarga yang ramai. Hubungan antara ibubapa dengan anak-anak dalam keadaan ini lebih bersifat 'longgar'. Pengawalan serta penjagaan secara langsung ke atas anak-anak kerap kali tidak wujud. Ibubapa seringnya sibuk dengan urusan luar atau terlalu memanjakan anak-anak sehingga mereka bertindak bebas dan sesukanya.

Di samping itu, dalam sesebuah keluarga yang mempunyai bilangan anak yang ramai mungkin juga membawa keadaan 'rebut-merebut' di kalangan mereka untuk mendapatkan kasihsayang dari ibubapa. Bagi mereka yang gagal memperolehi didikan serta asuhan yang baik, anak-anak berkenaan tentu akan merasa terhimpit jiwa mereka bahawa dirinya tidak diambil-beratkan oleh ibubapa. Seterusnya, mereka akan mencari unsur-unsur luar dengan apa juar tindakan tanpa menghindari kesan buruk yang mungkin timbul kepada keluarga atau dirinya sendiri.

3.3. : Tempat Kediaman Semasa Dakwaan Kes

Jenis dakwaan Corak diaman	Pelacur	Tukang urut & Pelacur	menafi sebagai Pelacur	Berkelakuan Liar	JUMLAH
Bersama keluarga	2	--	16	-	18 (8.0%)
Bersama kawan sebaya	21	62	49	-	132 (58.6%)
Bersama teman lelaki	10	11	13	4	38 (16.9%)
Bersama suami @ tunang	-	-	2	-	2 (0.9%)
Bersendirian	7	5	6	-	18 (8.0%)
Bersama nenek @ saudara	2	-	7	-	9 (4.0%)
Bersama adik- Beradik	3	-	4	1	8 (3.6%)
JUMLAH :	45	78	97	5	225

Jadual 3.3. : TEMPAT KEDIAMAN GADIS-GADIS SEMASA DAKWAAN BERLAKU

Jadual 3.3. menunjukkan hanya sebanyak 18kes atau 8% dari jumlah 225 kes sahaja di kalangan gadis-gadis yang dilaporkan tinggal bersama keluarga semasa dakwaan kes dilakukan. Kebanyakan daripada mereka berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan (walaupun ada di kalangan mereka yang mendarik diri dari rumah). Hubungan keluarga atau pihak-pihak yang ber-

signifikan dengan gadis-gadis berkenaan jarang wujud ; lebih-lebih lagi, mengenai hal dan gerakgeri gadis-gadis di luar adalah tidak diketahui.

Terdapat sebanyak 132 kes atau 58.6% dimana gadis-gadis dakwaan adalah tinggal bersama dengan kawan sebaya semasa dakwaan berlaku. Manakala 38 kes atau 16.9% adalah bersama dengan teman lelaki dan 18 kes (8%) adalah tinggal bersendirian. Keadaan seumpama ini lebih menyenangkan pembentukan 'delinkwen subcultures' di kalangan mereka yang mempunyai kepentingan bersama ; iaitu dengan mendokong sistem norma, nilai-nilai serta struktur masing-masing dalam kumpulan tertentu.¹⁷ Namun demikian, sistem norma dan nilai kumpulan-kumpulan 'delinkwen subcultures' itu seringnya bertentangan dengan sistem nilai-nilai sosial dan masyarakat. Mereka lebih kerap mengamalkan corak hidup yang akan dikongsi-sama dengan berdasarkan 'belief' ataupun perasaan stigmatisasi akibat dari masyarakat umum serta kepentingan bersama. Misalnya, di kalangan mereka yang melakukan pelacuran ; sebanyak 106 kes (86.2%) gadis-gadis pelacur daripada jumlah 123 kes pelacuran adalah tinggal bersama dengan kawan sebaya ataupun teman lelaki.

Seperti menurut Hirschi bahawa seseorang remaja yang terlalu berorientasi dengan rakan-rakan sebaya berbanding keluarga ; perlakuan delinkwensi lebih kerap terjadi.

3.4. : Perdampingan dengan orang-orang atau jenis pekerjaan yang ada kaitan dengan pelacuran.

Apabila peranan keluarga gagal menjelma sebagai salah satu kawalan sosial kepada gadis-gadis juvena ; maka, peranan kumpulan-kumpulan sosial lain, khasnya rakan sebaya menjadi lebih berpengaruh. Ini dapat dilihat dari jadual 3.3. dimana terdapat sebanyak 58.6% dari jumlah gadis-gadis dakwaan adalah bersama ^{dengan} kawan-kawan sebaya. Manakala sebanyak 67.5% gadis-gadis pelacur adalah bergaul dan tinggal bersama dengan kawan-kawan sebaya yang juga terdiri daripada pelacur. Gadis-gadis pelacur berkenaan seringkali dipujuk (dipaksa?!) dan dipengaruhi oleh rakan-rakan pelacur untuk turut melibatkan diri di dalam pelacuran. Ini supaya perlakuan dan kegiatan mereka tidak akan diketahui orang lain dan seterusnya menjejaskan 'self-images' diri mereka ; tetapi di sebaliknya pula, ini akan membolehkan rasa persefahaman dan simpati wujud di kalangan mereka.

Selain itu, perdampingan dengan muncikari(pimps) lebih senang mendedahkan gadis-gadis muda dalam pelacuran. Ia sering berlagak sebagai teman lelaki atau kekasih kepada gadis pelacur dan berbagai janji-janji manis telah diberikan bagi menyakinkan gadis berkenaan. Sebagai balasannya, gadis berkenaan dengan senangnya telah menaruh kepercayaan dan seterusnya menyerahkan madu kepadanya. Keadaan sedemikian lebih senang menyebabkan gadis berkenaan berubah kepada pelacuran.

Tambahan lagi, penglibatan gadis-gadis juvena dalam sesuatu bentuk pekerjaan juga sering menyebabkan kegiatan pelacuran. Jenis-jenis pekerjaan itu kerap kali memerlukan 'pemaparan kecantikan fizikal badan' sebagai tugas perkhidmatan gadis-gadis dalam pekerjaan. Diantaranya seperti pelayan bar dan Pub, penyanyi kelab malam, tukang gunting rambut, 'shampo girl' dan sebagainya. seseorang tukang urut di rumah urut misalnya di samping menjalani perkhidmatan kerja mengurut kepada pelanggannya ; juga ada menawarkan perkhidmatan pelacuran (sebanyak 78 kes daripada jumlah 117 kes gadis-gadis tukang urut telah mengakui diri ada melakukan pelacuran dengan pelanggan).

Di samping itu, sebanyak 30 kes (51.7%) daripada jumlah 58 kes gadis-gadis yang disyaki terlibat dalam pelacuran adalah bekerja sebagai pelayan atau penyanyi di tempat-tempat yang disebutkan tadi. Mereka mudah terdedah dengan berbagai unsur liar ataupun kumpulan-kumpulan lucah yang dapat mendorong dan menggodai gadis-gadis ke arah jalan-jalan penyelewengan. Walaupun ada juga di kalangan gadis-gadis ini yang tidak menjual perhubungan seksual mereka ; namun semakin lama berada di tempat-tempat yang penuh dengan beranika jenis dorongan, godaan serta kecaman dan stigmatisasi dari masyarakat luar kian memaksa gadis-gadis berubah kepada pelacuran.

	Pelacur				Tukang urut & Pelacur				Menafi sebagai pelacur				Bekelakuan liar				
	SR	SMR	SMA	Sub. Jumlah	SR	SMR	SMA	Sub. Jumlah	SR	SMR	SMA	Sub. Jumlah	SR	SMR	SMA	Sub. Jumlah	Jumlah
Tidak berminat	16	1	14	31 (68.9%)	38	5	15	58 (74.3%)	32	8	26	36 (68.0%)	3	-	1	4 (80%)	159 (70.7%)
Masalah kewangan	4	-	-	4 (8.9%)	3	1	2	6 (7.7%)	11	-	3	14 (14.4%)	-	-	-	-	24 (10.7%)
Gagal dalam bersekolahan	-	-	9	9 (20%)	-	-	12	12 (15.4%)	-	-	12	12 (12.4%)	-	-	1	1 (20%)	34 (15.1%)
Lari dari sekolah	-	-	-	-	-	-	1	1 (1.3%)	-	-	2	2 (2.1%)	-	-	-	-	3 (1.3%)
Sebab penyakit	-	-	-	-	-	-	1	1 (1.3%)	-	-	1	1 (1.0%)	-	-	-	-	2 (0.9%)
Masih bersekolahan	-	-	1	1 (2.2%)	-	-	-	-	-	-	2	2 (2.1%)	-	-	-	-	3 (1.3%)
Jumlah :	20	1	24	45	41	6	31	78	43	8	46	97	3	-	2	5	225

Jadual 3.5 : Tahap bersekolahan dan sebab-sebab keciciran.

* SR — sekolah rendah
 SMR — sekolah menengah rendah
 SMA — sekolah menengah atas

3.5. : Tahap Persekolahan

Jadual 3.5 menunjukkan bahawa terdapatnya 47.6% dari jumlah gadis dakwaan yang berpelajaran setakat sekolah rendah sahaja ; manakala sebanyak 6.7% atau 15 gadis-gadis berkenaan setakat bersekolahan Menengah rendah. Dan lebih kurang 45.7% atau 103 kes gadis-gadis dakwaan adalah bersekolahan Menengah atas. Ini menunjukkan bahawa perbezaan jumlah peratusan di antara gadis-gadis dakwaan yang setakat bersekolahan rendah dengan mereka yang sampai bersekolahan Menengah atas adalah rendah. Dengan ertikata lain, lebih ramai delinkwen yang berpendidikan tinggi daripada bersekolahan rendah.

Walaubagaimanapun, hanya 1.3% atau 3 kes gadis-gadis dakwaan yang masih bersekolahan semasa dakwaan dilakukan. Mereka berpendidikan sampai persekolahan menengah atas. Manakala lebih daripada 98% gadis-gadis dakwaan telah berhenti dari bersekolahan semasa dakwaan dilakukan. Sebab-sebab mereka berhenti dari bersekolahan bolehlah dinyatakan dalam lima sebab utama—— sebab rasa tidak berminat dengan aktiviti-aktiviti sekolah , masalah kewangan , gagal di dalam peperiksaan , lari dari sekolah dan sebab mengidapi penyakit.

Terdapat sebanyak 70.7% atau 159 kes gadis-gadis dakwaan mengalami perasaan tidak minat terhadap aktiviti-aktiviti dan suasana di sekolah. Pencapaian mereka semasa di sekolah pada umumnya adalah kurang memuaskan dan bersikap

suka ponteng dari sekolah. Kadar keciciran yang disebabkan oleh faktor di atas di kalangan gadis-gadis dakwaan yang bersekolahan rendah adalah lebih tinggi daripada gadis-gadis dakwaan lain yang bersekolahan sampai peringkat menengah atas ; iaitu sebanyak 89 kes (56%) daripada 56 kes(35.2%).

Manakala, terdapat 10.7% atau 24 kes keciciran adalah ~~adalah~~ disebabkan oleh faktor kemiskinan dalam keluarga. Kebanyakan kes yang disebabkan faktor ini adalah gadis-gadis yang hanya bersekolahan sampai di peringkat sekolah rendah sahaja ; iaitu sebanyak 18 kes atau 75% daripada jumlah kes faktor kemiskinan. Dalam usia yang sebegini muda ini, gadis-gadis berkenaan terpaksa melibatkan diri dalam 'dunia pekerjaan' untuk memenuhi keperluan keluarga. ^{umumnya} Mereka tidak berkemahiran atau berpengalaman langsung dalam apa-apa juga pekerjaan pun.

Terdapat sebanyak 34 kes atau 15.1% keciciran gadis-gadis dakwaan adalah disebabkan oleh faktor kegagalan peperiksaan , seperti peperiksaan SRP dan SPM. Keadaan semikian boleh menimbulkan perasaan kekecewaan atau 'frust' di kalangan gadis-gadis berkenaan. Terdapat sebanyak 21 kes atau 61.8% gadis-gadis dakwaan yang mengakui diri sebagai pelacur telah mengalami keciciran dari sekolah akibat dari pada kegagalan di dalam peperiksaan sebelum melibatkan diri di dalam pelacuran. Gadis-gadis berkenaan mungkin memilih pelacuran sebagai penyesuaian kepada kekecewaan atau semata untuk melepaskan geram yang disebabkan oleh kegagalannya itu.

Faktor-faktor lain yang menyebabkan keciciran gadis-gadis dakwaan juga termasuklah mereka yang mengidapi penyakit mental (iaitu sebanyak 2 kes) dan perlakuan melari diri dari sekolah tanpa diketahui oleh ibubapa/penjaga mereka (sebanyak 3 kes).

3.6. : Kepercayaan dan Agama

Pelacuran umumnya dianggap sebagai salah satu perlakuan seksual manusia yang telah melanggari sistem nilai masyarakat dan lebih-lebih lagi di dalam ajaran agama. Dalam ajaran agama Islam misalnya, perbuatan pelacur dan pelacuran banyak dikecam dan diharamkan kepada setiap umatnya. Ini dapat dirujuk melalui ajaran Al-Quran,

".... perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali dera, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kaum untuk (menjalankan) agama Allah, dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman."

(An-nur ayat 2 surah ke 24 ayat 64)

Kebebasan dan keliaran di dalam aktiviti-aktiviti seksual adalah amat dilarang dan dipersoalkan oleh semua jenis agama dan ajarannya. Agama merupakan satu-satunya kepercayaan yang dapat menyedar dan memenuhi keperluan rohani individu dalam soal untuk membentuk dan menegakkan perlakuannya

yang mengikuti nilai-nilai sosial. Seseorang individu yang kuat berpegang dengan nilai-nilai ajaran agama atau terikat dengan aktiviti-aktiviti agama adalah dianggap kurang kemungkinan melakukan penyelewengan sosial.

Dari penghuraian awal kajian ini, kita dapati kaum Cina berbanding dengan kaum-kaum lain lebih banyak terlibat dengan kes-kes dakwaan¹⁸ dan di samping itu, corak kawalan 'external' ke atas mereka juga bersifat lemah. Manakala, dari segi kawalan 'internal' pula, yang lebih disifatkan melalui penguasaan sistem nilai agama juga tidak menunjukkan satu pengawalan yang jelas. Terdapat berbagai jenis kepercayaan dalam masyarakat Cina yang didokong oleh penganut-penganutnya ; misalnya agama Buddha, ajaran Tao, penyembahan nenekmoyang, Konfucious, Kristian, penyembahan Kuil atau patung.

Setiap kepercayaan ini dianggap sebagai kepercayaan turun-temurun. Walaubagaimanapun, kebanyakan konsep-konsep dan nilai-nilai ajaran yang terkandung di dalamnya adalah kabur dan kurang jelas bagi setengah penganut-panganutnya. Malah, setengah kepercayaan tersebut hanya disampaikan oleh golongan generasi tua keluarga dan golongan generasi muda pula hanya menerima kepercayaan tersebut sebagai satu tradisi atau warisan keluarga sahaja tanpa menilai baik ajaran-ajaran tersebut. Seseorang individu hanya dapat menguasai dan mengetahui lebih tentang nilai-nilai ajaran satu-satu kepercayaan itu sahaja apabila ia mempunyai niat

CAPITALIST

dam minat untuk mendalami ajaran satu-satu kepercayaan tersebut. Namun demikian, kelihatannya generasi muda dewasa kini lebih terpengaruh kepada unsur-unsur luar seperti berpakaian hitam dan longgar, berambut 'Punk', berkhalwat di tempat-tempat awam dan sebagainya; dimana semua ini telah memaparkan tentang keruntuhan moral dan pengaruh budaya kuning. Mereka lebih suka bertindak mengikut kehendak diri sendiri tanpa menghiraukan sistem nilai sosial dan agama. Ini menjadi lebih buruk lagi dengan ketiadaan kawalan 'external' dan di samping adanya kelemahan dalam kawalan 'internal' kian memberi peluang anak-anak remaja berkelakuan liar dan bebas.

Washington, D.C., 1971, n.s. 277

Abdul Razif Zakaria, Pelajaran Pelancong di Malaysia, Utusan Publications & Distributors, K.L., 1980, n.s. 71

- 7) Travis Hirschi, Causes of Delinquency, Berkeley: University of California Press, 1969, n.s. 107
- 8) J. Bowley, Portuguese Juvenile Delinquents: their character and case in Int. J. Psychanal., 1964, n.s. 19-53
- 9) Eleanor A. Glueck, Delinquents and Non-Delinquents in Families, Cambridge Mass: Harvard University Press, 1968, n.s.
- 10) Travis Hirschi, op.cit., n.s. 102-106
- 11) P. Ivan Rye, Young Delinquent Behavior, American Sociological Review vol. 3 Jun., n.s. 526-531
- 12) Gisela Konopka, The Adolescent Girl in Conflict, New Jersey: Prentice-Hall, 1966, n.s. 31
- 13) Mohd Nor Samad, Utusan Malaysia, 17/10/1987.
- 14) Sheldon Glueck and Eleanor Glueck, Family Environment and Delinquency, London (2nd ed.), Routledge & Kegan Paul, 1966, n.s. 125-135

CATATAN KAKI :

- 1) F.Ivan Nye, Family Relationships and Delinquency behavior, New York: John Wiley & Sons, Inc., m.s. 48
- 2) Robert C.Trojanowicz, Juvenile Delinquency, New Jersey: Prentice-Hall, Inc., 1978, m.s. 137
- 3) Sheldon Glueck & Eleanor Glueck, Unravelling Juvenile Delinquency, New York: Harvard University Press, 1950, m.s. 281-282
- 4) Don C.Gibbons, Delinquent Behavior, New Jersey:Prentice-Hall, Inc., 1970,m.s. 175
- 5) Edwin H.Sutherland and Donald R.Cressey, Criminology, USA: J.B.Lippincott Comp.,1978,m.s. 212
- 6) Clifford R.Shaw and Henry D.Mckay, Social Factors in Juvenile Delinquency; Report on the Causes of Crime Washington, D.C.,1931.,m.s.266-276
Abdul Hadi Zakaria, Pelacur dan Pelacuran di Malaysia, Utusan Publications & Distributors, K.L.,1980,m.s.91
- 7) Travis Hirschi, Causes of Delinquency, Berkeley: University of California Press,1969,m.s. 107
- 8) J.Bowlby, Forty-four Juvenile thieves: their characters and home life Int.J.Psychoanal, 1944,m.s.19-53
- 9) Eleanor T.Glueck, Delinquents and Nondelinquents in Perspective,Cambridge Mass:Harvard University Press, 1968,ms.
- 10) Travis Hirschi, op.cit., m.s. 102-106
- 11) F.Ivan Nye, Scaling Delinquent Behavior, American Sociological Review xxii 3 Jun, m.s.326-331
- 12) Gisele Konopka, The Adolescent Girl in Conflict,New Jersey: Prentice-Hall,1966,m.s.51
- 13) Mohd.Nor Samad, Utusan Malaysia, 17hb.Jun 1987.
- 14) Sheldon Glueck and Eleanor Glueck, Family Environment and Delinquency, London(2nd ed.,): Routledge & Kegan Paul, 1966, m.s.123-126

- 15) Mohd.Nor Samad, Utusan Malaysia, 17hb.Jun 1987
- 16) Travis Hirschi, op.cit., m.s.239
- 17) Albert K.Cohen, Delinquent Boys: The Culture of the Gang, New York: Free Press,1955,m.s.12-13
- 18) Sila rujuk kepada Jadual 2.1.2.:Pengkelasifikasian kaum Terdapat sebanyak 196 kes atau 87.1% gadis-gadis yang didakwa adalah terdiri daripada kaum Cina.

Pada perkembangannya, ia bukan sahaja dalam bentuk yang dituliskan di dalam pelajaran. Namun, bukannya itu saja, secara secundari juga telah menyatakan ini dalam bentuk penilaian ke atas kesaksikanan pada pelajaran dan hasil kerja kepada institusi pelajaran.

Di berasaskan sumber pelajaran 1988, penilaian sekolah mengurangkan penilaian-penilaian yang diperoleh dari tugas-tugas sekolah dan aktiviti sosial yang telah dilaksanakan dalam kajian ini.

b.i. : Langkah-langkah pencegahan dan penaltian pelakutan di kalangan adik-juvenia

a.i. : Langkah pencegahan masyarakat

Seperi yang diterangkan di atas, pengambilan adik-juvenia dari pelajaran bukan sahaja dalam bentuk penilaian langsung ; iaitu secara primaari dan secundari. Dalam langkah pencegahan masyarakat ini, penilaian sekolah mengurangkan beberapa program kamalan serta tinjauan yang diambil oleh institusi-institusi sosial seperti keluarga, sekolah serta agensi kerajaan.

Penutup

Dalam bab akhir ini, penulis akan menyentuh aspek-aspek mengenai langkah-langkah pencegahan dan pemulihhan pelacuran di kalangan gadis juvena. Langkah-langkah tersebut dapat dilihat dari dua segi ; iaitu langkah pencegahan secara primari, yang merupakan langkah-langkah yang diambil pada peringkat awal untuk mengawal gadis juvena daripada terlibat di dalam pelacuran. Manakala, langkah pencegahan secara secondari pula lebih merupakan langkah-langkah pemulihan ke atas bekas-bekas gadis pelacur daripada kembali semula kepada institusi pelacuran.

Di bahagian akhir bab ini juga, penulis akan menghuraikan penemuan-penemuan yang didapati dari kajian ini serta menentukan kebenaran teori yang telah digunakan dalam kajian ini.

4.1. : Langkah-langkah pencegahan dan pemulihhan pelacuran di kalangan gadis juvena

4.1.1. : Langkah pencegahan secara primari

Seperti yang diterangkan di atas, pengawalan gadis juvena dari pelacuran boleh dilihat dalam dua jenis corak langkah ; iaitu secara primari dan secara secondari. Dalam langkah pencegahan secara primari ini, penulis akan menghuraikan beberapa program kawalan serta tindakan yang diambil oleh institusi-institusi sosial seperti keluarga, sekolah serta institusi kehakiman.

4.1.1.1.: Peranan keluarga dan sekolah

Seperti yang disebutkan di dalam bab-bab awal lagi, sebab-sebab penglibatan gadis-gadis juvena di dalam pelacuran adalah sering berkisar di sekitar masalah hubungan tidak mesra dalam keluarga. Kita dapatati bahawa peranan keluarga dalam zaman yang begitu mencabar ini semakin tergugat dan mengalami pepecahan amnya. Perhubungan di antara ibubapa dan gadis-gadis samada dari segi fizikal atau psikologikalnya adalah kurang memuaskan. Ini terbukti hampir 60% daripada gadis-gadis dakwaan adalah berasal dari keluarga di mana tiadanya pergaulan erat di antara ibubapa dan gadis-gadis tersebut. Ada juga di kalangan setengah ibubapa yang hanya menunjukkan sikap mengambil-berat ke atas anak-anak mereka setelah berlakunya kes dakwaan.

Dari itu, keutuhan dan kestabilan sesebuah keluarga seharusnya berperanan lebih bereffetif dan berkesan lagi dalam mensosialisasikan kanak-kanak. Seseorang kanak perempuan mungkin lebih memerlukan sokongan psikologikal dari ibubapanya berbanding dengan seorang kanak lelaki ; disebabkan sifatnya yang lebih berorientasikan kepada keluarga. Ibubapa yang terlalu sibuk ke arah pencarian kekayaan atau terlalu memanjakan anak-anak seharusnya ataupun sekurang-kurangnya cuba membincangkan hal-hal yang mungkin memberi masalah kepada mereka serta mengambil-beratkan gerakgeri mereka di luar.

Di samping itu, amalan disiplin keluarga juga

harus dipertimbangkan. Ini kerana corak disiplin yang terlalu berorientasikan kepada 'kasihsayang' oleh ibubapa atau lebih bersifat 'hukuman' akan memburukkan lagi suasana keruntuhan dalam keluarga dan seterusnya menyebabkan gadis-gadis terlibat dengan kes-kes penyelewengan.²

Tambahan lagi, ibubapa seharusnya mengadakan perhubungan baik dengan pihak institusi sosial lain ; seperti kerajaan dan sekolah dalam usaha cuba membentras pelacuran di kalangan gadis-gadis juvena. Sifat bekerjasama seumpama ini setentunya dapat menghapuskan niat dan peluang-peluang kemungkinan gadis-gadis berkenaan kepada pelacuran.

Sekolah merupakan salah satu organisasi sosial yang penting ; terutamanya dari segi melanjutkan lagi kerja pembelajaran oleh institusi sosial lain seperti keluarga. Dengan ertikata lain, apabila institusi keluarga kurang berperanan sebagai kawalan sosial yang berkesan ; maka institusi sekolah mempunyai fungsi lebih penting dalam mencegah sesuatu penyelewengan yang mungkin timbul ke atas anak-anak remaja.

Dalam kajian ini, dapat di bahawa ramai daripada responden gadis-gadis dakwaan adalah kurang berminat dengan aktiviti-aktiviti di sekolah (iaitu 70.7%). Lebih-lebih lagi, jenis aktiviti kurikulum yang ada di dalam sekolah dewasa kini lebih tertumpu kepada pencapaian akademik. Seseorang yang berkelulusan baik dan tinggi seringkali lebih dipandang tinggi berbanding dengan seseorang yang kurang berpendidikan.

Kebanyakan responden gadis-gadis dakwaan kajian ini telah berhenti dari bersekolahan pada peringkat ⁿ redah lagi yang disebabkan kurang berminat dalam aktiviti-aktiviti sekolah.³

Pihak sekolah seharusnya mengadakan lebih program bersifat rekreasi dan membina suatu suasana pembelajaran yang lebih menekankan atau mengutamakan pencapaian mengikut kemampuan dan sifat personaliti individu dari terlalu kearah kemajuan akademik. Di samping itu, interaksi di antara guru dan murid seharusnya lebih dieratkan lagi supaya sebarang masalah yang timbul itu dapat diatasi dengan baik. Begitu juga kemudahan-kemudahan kaunseling harus diadakan di setiap peringkat sekolah. Ia seharusnya lebih berfungsi aktif dalam mengadakan aktiviti-aktiviti dan membincangkan masalah-masalah yang mungkin timbul dari emosi gadis tersebut.

4.1.1.2. : Peranan Polis

Penyertaan pihak polis dalam mencegah perkembangan pelacuran sememangnya merupakan satu langkah langsung dan berkesan sekali. Banyak kes-kes melarikan diri dari rumah dan kegiatan pelacuran di kalangan gadis-gadis muda telah dapat dikesani oleh pihak polis. Gadis-gadis berkenaan biasanya adalah di bawah umur dan sering dijumpai di tempat-tempat yang dianggap 'kurang bermoral' ; seperti rumah urut, bar, pub, social escort dan coffee house. Misalnya, beberapa pergerakan serbuan telah dilakukan oleh polis dalam tahun 1986 ke atas beberapa rumah urut haram di Jalan Raja Laut, Jalan Bukit Bintang dan berjaya menangkap 76 orang gadis-

gadis adalah dibawah umur duapuluh satu tahun.⁴ Begitu juga, serbuan lain di pub, rumah urut dan social escort dimana sebanyak 169 orang gadis-gadis juvena telah dapat diselamatkan.⁵

Tambahan lagi, pihak polis adalah diberi tanggung-jawab atau kuasa untuk melancarkan serbuan ke tempat-tempat disebutkan di atas. Misalnya dalam Registration of Guest Act 1965 telah memperuntukkan satu seksyen iaitu seksyen 4(2)(a) dan 4(2)(b) yang memberi kuasa kepada pihak polis untuk melancarkan serbuan ke hotel-hotel yang mungkin menjalankan kegiatan pelacuran.

Peranan pihak polis dalam pada itu adalah penting dimana kehadiran gadis-gadis di tempat-tempat yang dianggap 'terdedah kepada bahaya moral' dan di bawah umur akan di-dakwa di mahkamah. Pihak polis akan mengawal dan menghapuskan segala kegiatan pelacuran atau kerja yang mempunyai kaitan dengannya di kalangan gadis-gadis muda, terutamanya mereka yang di bawah umur.

4.1.1.3. : Kawalan sistem undang-undang

Sistem undang-undang mengenai kegiatan pelacuran di negara kita ini didapati masih tidak menyeluruh lagi. Seorang pelacur dalam sistem undang-undang negara ini tidaklah dianggap sebagai penjenayah atau salah di sisi undang-undang. Sistem undang-undang di sebaliknya lebih membincangkan hukuman dan kawalan ke atas orang-orang yang sengaja menjalankan aktiviti-aktiviti untuk tujuan pelacuran. Ini termasuklah

kumpulan-kumpulan 'orang tengah' yang mendapat keuntungan di dalam usahanya memaksa atau memujuk gadis-gadis ke arah pelacuran.

Dalam Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 telah memperuntukkan beberapa bahagian sistem undang-undang untuk mengawal tindakan kumpulan-kumpulan 'orang tengah' pelacuran. Misalnya dalam seksyen 16(1) ; seksyen 18 ; seksyen 19(1), 19(2), 19(3) dan seksyen 20. Dalam seksyen 18. Akta tersebut, ada menggariskan kesalahan orang-orang apabila terlibat di dalam ' traffic in female person for the purpose of present or subsequent prostitution'. Hukuman yang akan dikenakan bagi orang-orang yang didapati bersalah, ialah dipenjarakan tidak lebih dari lima tahun atau didenda lebih daripada \$10,000 atau kedua-duanya sekali (sama dengan seksyen 16(1) Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973). Ini bermakna orang-orang yang membantu memperluaskan kegiatan pelacuran samada melalui mass media atau secara peribadinya akan didakwa di mahkamah di bawah seksyen ini. Manakala menurut seksyen 20 pula, orang-orang yang mengendalikan tempat-tempat seperti klab, pertubuhan, institusi atau sebarang tempat awam untuk tujuan pelacuran jika didapati bersalah akan menerima hukuman penjara tidak lebih dari tiga tahun untuk kesalahan pertama. Jika ia didapati bersalah untuk kesalahan yang kedua hukumannya ialah dipenjara tidak lebih daripada sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi daripada \$15,000 atau kedua-duanya sekali. Dalam seksyen FMS CAP 45' juga ada menekankan hukuman ke atas orang-orang

yang jika didapati bersalah dalam menguruskan aktiviti-aktiviti pelacuran; iaitu hukuman penjara tidak lebih dari pada sepuluh tahun.

Di samping itu, undang-undang ke atas diri pelacur di negara ini lebih bersifat 'pemulihan' dan 'perlindungan'(rehabilitation). Misalnya dalam seksyen 7(1), 8, 9 dan 10 Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 telah memberi kuasa kepada mahkamah untuk melindungi dan memindah gadis-gadis (umumnya kurang daripada duapuluh satu tahun) yang terdedah kepada bahaya moral ke pusat-pusat pemulihan atau di bawah penyelian seorang pegawai akhlak kebajikan selama tiga tahun atau sehingga mencapai umur duapuluh satu tahun. Undang-undang jenis perlindungan atau pemulihan ke atas gadis-gadis pelacur juga terdapat seperti di dalam seksyen 35 dan 36 Juvenile Courts Act 1947. Namun demikian, ia hanya terhad kepada kanak-kanak yang di bawah umur tujuh belas tahun sahaja. Dalam kajian ini dapati bahawa sebanyak 80 kes (35.6%) gadis-gadis juvena telah dipindah ke pusat-pusat pemulihan dan 65 kes (28.9%) adalah di bawah penyeliaan pengawai akhlak kebajikan. Manakala 78 kes (34.7%) gadis-gadis adalah di bawah ikatan jaminan oleh ibubapa masing-masing.

Selain itu, terdapat sebilangan undang-undang yang cuba menyekat kegiatan-kegiatan gadis-gadis pelacur asing di negara ini. Di antaranya, Restricted Residence Enactment FMS CAP 20 Seksyen 2 ; Barismen Act 1959

Seksyen 5(1); dan Immigration Act 1853. Misalnya, dalam November 1986 , sebanyak 409 gadis-gadis pelacur yang berbangsa asing (terdiri dari orang Thai, Indonesian, Filipinos, Colombia, Jermany) telah didakwa di bawah akta-akta ini dan dihantar balik ke negara asal mereka .⁶ Begitu juga di antara tahun 1985-1987 , sebanyak 790 orang pelacur Thai telah diusir keluar dari negara ini di bawah akta-akta tersebut.⁷

4.1.1.4.: Peranan kerajaan

Penglibatan gadis-gadis muda di dalam pelacuran sememangnya menandakan suatu gejala sosial dalam masyarakat yang kurang sihat. Ini boleh menjatuhkan imej negara yang pada asalnya kuat berpegang kepada kebudayaan dan norma sosial konvensional.Untuk memulihkan imej baru ini, kerajaan seharusnya mengadakan lebih aktiviti-aktiviti dan pertubuhan-pertubuhan belia yang bersifat rekreatif dan sihat di kalangan gadis-gadis muda kita. Beberapa langkah bersangkutan dengan pemberian sosia-ekonomi seperti meluaskan peluang pekerjaan (dimana pertimbangan tidak seharusnya berdasarkan diskriminasi jantina tetapi berdasarkan kemampuan individu) ; menyediakan lebih banyak kemudahan pelajaran supaya tidak wujudnya perasaan 'terasing' dengan masyarakat.

Di samping itu, projek perancangan pembangunan negara harus menitik-beratkan juga pembangunan, terutamanya di kawasan luar bandar. Ini supaya dapat mengurangkan kadar mobiliti penduduk-penduduk ke bandar. Manakala aktiviti-

aktiviti kebudayaan dan didikan agama haruslah digalakkan oleh kerajaan di semua peringkat samada melalui sekolah, pertubuhan-pertubuhan dan keluarga.

4.1.2. : Langkah pencegahan secara secondari

Dalam bahagian ini, beberapa langkah akan dibincangkan untuk mencegah bekas gadis-gadis pelacur dari kembali semula di dalam pelacuran. Aspek-aspek yang akan dibincang ialah peranan pusat pemulihan dan aspek pandangan masyarakat secara keseluruhannya.

4.1.2.1. : Peranan Pusat Pemulihan

Seperti yang disebutkan dari awal lagi, corak sistem undang-undang mengenai pelacuran di negara Malaysia adalah berbentuk pemulihan dan perlindungan. Ini seperti dapat dilihat menurut kata pendahuluan Bahagian IV Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 bahawa,

"... to amend and consolidate the law relating to protection of women and girls and to provide for matters incidental thereto."

Ini lebih jelas lagi dengan adanya beberapa peruntukan undang-undang yang kuat menekankan kepada 'pemulihan' dan 'perlindungan' harus diberikan kepada gadis-gadis yang 'terdedah kepada bahaya moral'; iaitu di bawah penjagaan atau penyeliaan ibubapa, pengawal akhlak kebajikan ataupun dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan (seksyen 7(1), 8, 9 dan 10 Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973).

Di negara ini, terdapat beberapa buah pusat pemulihan akhlak yang di bawah Kementerian Kehajikan Masyarakat. Di antaranya ialah Pusat Pemulihan Cheras; Pusat Pemulihan Rembau, Negeri Sembilan ; Pusat Pemulihan Batu Gajah, Perak ; dan Sekolah Tunas Bakti Melaka. Gadis-gadis yang di bawah umur duapuluh satu tahun dan apabila didapati bersalah di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Mahkamah Budak-budak 1947 , akan ditempatkan di pusat-pusat pemulihan untuk menerima pemulihan akhlak.

Di pusat-pusat ini, berbagai program dan aktiviti untuk proses pemulihan akhlak dijalankan. Ini meliputi usaha mengubah sikap, belief atau nilai kelakuan sosial gadis-gadis berkenaan serta membina sikap berdisiplin corak fizikal atau naluri melalui ajaran agama dan moral. Program mengenai latihan vokesyenal seperti kerja menjahit , memasak akan dituju kepada gadis-gadis dakwaan. Di samping itu, pihak Kementerian juga menyedia atau membantu gadis-gadis yang sebaik sahaja keluar dari pusat-pusat pemulihan ; terutamanya dalam soal peluang pekerjaan.

4.1.2.2. : Penerimaan masyarakat terhadap bekas-bekas pelacur

Pelacur sering dianggap sebagai golongan manusia yang kurang bermoral. Mereka kerap kali dipandang dan distigmatisasikan oleh masyarakat umumnya. Sebagai golongan manusia yang telah melanggar sistem nilai masyarakat. Lebih-lebih lagi, kehadiran golongan pelacur di dalam masyarakat

jarang diberi belas kasihan ; tetapi di sebaliknya mereka sentiasa dihina, dikeji serta dipandang rendah oleh masyarakat.

Kinsley Davis misalnya pernah menggariskan akan fungsi-fungsi pelacur di dalam masyarakat umum ; iaitu berperanan sebagai salah satu institusi sosial. Pelacur-pelacur menyediakan perkhidmatan pelacuran dengan maksud pemberian satu 'outlet' seksual kepada lelaki daripada melakukan keskes rogol dan sebagainya.

Namun demikian, pada zaman moden ini masih terdapat sikap ^{di Kalangan} ahli-ahli masyarakat yang memandang rendah kepada bekas-bekas pelacur yang keluar dari pusat pemulihian. Gadis-gadis berkenaan akan terasa diri terasing dari masyarakat dan akan melahirkan rasa ingin kembali semula ke jalan pelacuran.

Dari itu, penerimaan masyarakat terhadap bekas-bekas gadis pelacur ini penting. Setiap ahli masyarakat seharusnya menyambut baik dan bekerjasama dengan setiap institusi sosial kerajaan supaya sebarang penyelewengan tidak berlaku ; di sebaliknya lebih bersikap tabah dan yakin untuk menerima baik golongan yang dianggap telah melanggari sistem nilai masyarakat seperti pelacur. Dalam pada itu, peranan keluarga juga penting dimana segala bentuk sokongan moral, kasihsayang dan sikap penerimaan mereka harus dilakukan terhadap bekas-bekas pelacur sebagai suatu langkah awal

untuk kembali ke pangkuan masyarakat semula.

4.2. : Kesimpulan Kajian

Dari kajian ini, penulis dapati Teori Ikatan yang dikemukakan oleh Travis Hirschi adalah sesuai digunakan untuk kajian ini. Apa yang menjadi dasar di dalam teori beliau untuk menerangkan kewujudan delinkwensi ialah;

- a) Manusia secara semulajadinya bersifat 'bad' sejak dilahirkan. Manusia dalam pada itu lebih bersifat egosentrik dan sentiasa mencari cara-cara untuk memenuhi kehendak-kehendaknya tanpa mengiri samada ianya adalah 'illegal' atau tidak.
- b) Manusia justeru itu akan menjadi pengikut norma dalam masyarakat apabila ia terikat oleh kawalan sosial (internal dan external).

Elemen-elemen seperti 'Pertalian', 'Penglibatan' dan 'Partisipasi' yang yakni sebagai kawalan external; didapati adalah rendah atau kurang dikenakan ke atas gadis-gadis pelacur dalam kajian ini. Sifat perhubungan pertalian dengan keluarga yang lemah ; dan ketiadaan kedudukan sosial yang tinggi ; serta kekurangan partisipasi dalam aktiviti-aktiviti sosial telah membawa dan mendorong gadis-gadis berkenaan kepada perbuatan penyelewengan. Di samping itu juga, kekurangan kawalan internal (Belief) boleh menyebabkan gadis-gadis jarang menerima dan menilai ataupun memilih norma sosial dan nilai-nilai masyarakat sebagai salah

satu cara hidup mereka. Sebaliknya mereka lebih gemar membentuk dan menjalankan suatu sistem nilai atau cara hidup kumpulan mereka sendiri yang sering bertentangan dengan sistem nilai masyarakat iumum.

Setiap kajian yang dilakukan seharusnya akan dapat beberapa penemuan baru dari kajian itu. Penemuan-penemuan baru dari kajian ini ialah ;

- a) Faktor 'keluarga sempurna' lebih menentukan tingkat perkembangan pelacuran di kalangan gadis juvena

Kajian menunjukkan hampir sebanyak 60% gadis-gadis dakwaan adalah berasal dari keluarga sempurna (intact family). Penjalinan hubungan rapat ibubapa dengan gadis-gadis adalah jarang wujud. Gadis-gadis berkenaan banyak diberi kebebasan hidup terutamanya dari segi pergaulan dan perlakuan mereka di luar. Ibubapa lebih disifatkan sebagai 'pemberian sumber ekonomi' keluarga sahaja yang sering sibuk dengan urusan kerja masing-masing. Manakala pemberian dari segi psikologikal ataupun pengajaran sistem nilai moral terhadap gadis-gadis adalah jarang dilakukan. Keadaan seperti ini sering menyebabkan gadis berkenaan tersangkut kepada perlakuan-perlakuan yang kurang disenangi ataupun berdamping dengan orang-orang yang ada kaitan dengan pelacuran. Ini dapat dibuktikan bahawa sebanyak 59.4% daripada gadis-gadis pelacur adalah berasal dari keluarga sempurna daripada keluarga yang berpecah-belah (hanya 39%).⁸

b) Perbuatan melarikan diri dari rumah dan seterusnya terlibat di dalam pelacuran

Kes-kes mengenai perbuatan melarikan diri dari rumah kian dipandang serius oleh masyarakat. Ia kerap kali dilakukan oleh kanak-kanak perempuan dan gadis-gadis muda. Kebanyakan mereka berumur di antara tiga belas tahun hingga duapuluh lima tahun.⁹ Sebab utama perlakuan seumpama ini terjadi adalah kerana timbulnya tekanan perasaan terhadap suasana yang berlaku di sekelilingnya. Ada juga di kalangan gadis-gadis yang terlalu bebas ; iaitu dari pengawalan ibu-bapa/penjaga.

Gadis-gadis seterusnya menoleh kepada unsur-unsur luar yang mana mungkin lebih berpengaruh dan dapat memenuhi kehendak psikologikal atau fizikal mereka. Keadaan sedemikian ini lebih mudah mendedah gadis-gadis kepada perlakuan-perlakuan yang kurang disenangi seperti jenayah dan pelacuran. Kajian dapati sebanyak 50% daripada gadis-gadis dakwaan telah melarikan diri dari rumah sehingga terlibat di dalam pelacuran. (peratusan ini hanya meliputi kes-kes di mana gadis-gadis yang mengakui diri sebagai 'pelacur' sahaja ; manakala 50% kes melarikan diri oleh gadis-gadis dakwaan lain telah menafsi diri mereka yang terlibat di dalam pelacuran).

Selain itu, terdapat juga bukti-bukti lain yang menunjukkan gadis-gadis yang melarikan diri dari rumah lebih kerap kali terlibat di dalam perlakuan penyelewengan (terutamanya pelacuran). Diantaranya seperti pergerakan serbuan polis yang seringkali membongkar dan mengesani gadis-gadis

berkenaan di tempat-tempat yang ada kaitan dengan pelacuran. Misalnya, bar, Pub, Lounge, 'sosial escort', rumah urut ataupun pusat kesihatan. Di tempat-tempat seumpama inilah, gadis-gadis di samping didaftarkan sebagai pekerja atau pelayan ; mereka juga menjadikan tempat-tempat tersebut sebagai tempat perhubungan pelacur-pelanggan.

c) Pelacur Juvena melibatkan peranan golongan tengah dalam menjalankan pelacuran

Peranan golongan tengah dalam dunia pelacuran adalah penting , terutamanya di kalangan gadis-gadis pelacur juvena. Golongan tengah ini merujuk kepada golongan tertentu yang akan memperolehi keuntungan melalui tindakannya dalam mengeksplorasi gadis-gadis ke pelacuran. Yang sering di-perbincangkan ialah golongan muncikari(pimps). Perdampingan dengan golongan muncikari yakni yang selalunya mejelma sebagai kekasih atau teman lelaki kepada gadis-gadis pelacur lebih mengekalkan kedudukan mereka di dalam pelacuran. Gadis-gadis pelacur sering dipujuk dan kadangkala dipaksa oleh muncikari di dalam pelacuran yang menguntungkan diri mereka.

Ada juga di kalangan golongan tengah yang hanya menerima sebahagian daripada bayaran pelacuran sebagai komisen mereka dalam mengusahakan kemudahan pelacuran di-kalangan gadis-gadis juvena. Golongan ini terdiri daripada 'Ibu Ayam' (Mummy); pengusaha-pengusaha bilik, tempat atau rumah sundal(brothels); taukeh-taukeh bar, Pub, rumah urut dan kumpulan-kumpulan sendiket haram (misalnya kumpulan Tat Kà).

Di samping itu, ada juga di kalangan gadis-gadis juvena yang melangkah ke arah pelacuran melalui perantaraan rakan-rakan atau pelacur-pelacur kenalan mereka. Golongan ini tidak semestinya bertujuan untuk mendapatkan keuntungan di dalam usaha pembawaan gadis-gadis juvena ke pelacuran. Mereka lebih mengharapkan pembentukan satu cara hidup dimana ianya akan didokong dan dikongsi-sama di kalangan mereka.

d) Usia sebagai pelacur di kalangan gadis-gadis juvena adalah singkat

Undang-undang formal negara telah banyak memperuntukkan peraturan-peraturan ketat ke atas kegiatan pelacuran dan gadis-gadis pelacur muda terutamanya mereka yang di bawah umur duapuluh satu tahun (Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Mahkamah Budak-budak 1947). Malah, pihak polis adalah diberi kuasa dari segi undang-undang untuk memberkas gadis-gadis muda yang ^{disyaki} terlibat dengan kes-kes penyelewengan seksual. Gadis-gadis yang mengadakan perhubungan jenis dengan lelaki (walaupun dengan kerelaan diri) ; mereka juga tetap dianggap telah melanggari undang-undang formal dan akan dihukum di bawah penguatkuasaan undang-undang negara.¹⁰

Memandangkan adanya penguatkuasaan undang-undang yang ketat dan di samping adanya pandangan stigmatisasi dari masyarakat umum lebih menyingkatkan lagi usia gadis-gadis juvena sebagai 'Pelacur', iaitu antara beberapa bulan atau tahun sahaja. Perlakuan mereka mudah dikesani oleh pihak polis


melalui tempat-tempat berkenaan seperti di rumah urut, bar, Pub, rumah pelacuran ataupun 'social escort'. Namun demikian, kadar penyertaan di dalam pelacuran oleh gadis-gadis yang setelah menerima pendakwaan di mahkamah ataupun pemulihan akhlak juga tinggi.

Boleh dikatakan penglibatan gadis-gadis muda di-dalam pelacuran sememangnya merupakan satu reaksi terhadap sosial. Setiap perlakuan kita adalah dikawal dan ditentukan oleh nilai-nilai norma masyarakat. Di antaranya yang banyak dipersoal dan dipertikaikan ialah tingkahlaku seksual. Perlakuan pelencongan seksual seperti pelacuran, pengguguran kandungan, persetubuhan haram, khalwat dan rogol semakin menjadi suatu masalah sosial masyarakat yang serius dan nyata.

Penglibatan gadis-gadis muda, khasnya juvena di-dalam penyelewengan seksual tahun-tahun kebelakangan ini telah menarik perhatian ramai pihak berkenaan. Gadis-gadis pelacur muda ini dianggap telah mengalami kekurangan pengawalan atau ikatan dengan institusi-institusi. Keluarga, misalnya telah hilang peranan dan fungsinya seperti dulukala di-dalam soal mensosialisasikan anak-anak untuk berkelakuan baik. Peranannya lebih ke arah materialistik dan individualistik. Keadaan sedemikian lebih senang mendedahkan gadis-gadis kepada kumpulan-kumpulan atau unsur-unsur sosial luar yang lebih berpengaruh dan terikat dengan perlakuan-perlakuan atau pekerjaan-pekerjaan yang kurang disenangi.

Sebagai pelacur, seseorang gadis seharusnya mengetahui dan mempelajari berbagai teknik untuk memikat pelanggan. Selain itu, ia juga mesti mengetahui cara-cara untuk melacur dari diketahui orang, terutamanya undang-undang formal. Bagi gadis-gadis pelacur yang berjaya berbuat demikian, mereka akan terus kekal sebagai 'Pelacur'. Walaubagaimanapun, ramai di kalangan mereka yang didakwa dan dimasukkan ke Pusat Pemulihan setelah diberkas atau diserbu oleh pihak berkuasa. (sila rujuk rajah 4.2.)

Namun demikian, tidaklah semua gadis-gadis muda yang terlibat di dalam pelacuran. Bagi mereka yang memperolehi pengawalan atau penjagaan baik dan seksama dari institusi sosial akan lebih menyempurnakan perlakuan diri mereka untuk bersifat pro-sosial. Oleh itu, boleh disimpulkan di sini bahawa perbuatan pelacuran di kalangan gadis-gadis juvena lebih ditentukan oleh sejauhmana kuat atau lemahnya kawalan sosial masyarakat itu terhadap gadis-gadis berkenaan.



Catatan kaki :

- 1) rujuk kepada Jadual 3.1. dan 3.1.2. dimana terdapat sebanyak 60% daripada responden gadis-gadis dakwaan adalah berasal dari keluarga yang 'disharmoni' dan sebanyak 40% di kalangan mereka yang lain adalah datang dari 'broken homes'
- 2) William dan Joan McCord dan Irving Zola, 'Origins of Crime' Columbia University Press, New York, m.s. 76
- 3) rujuk kepada Jadual 3.5.: Tahap persekolahan dan sebab-sebab kecinciran---- terdapat sejumlah 159 kes atau 70.7% gadis-gadis dakwaan yang telah berhenti dari bersekolahan disebabkan tidak menunjukkan minat ke atas aktiviti-aktiviti di sekolah; iaitu mereka mengalami kecinciran semasa :
 - di peringkat bersekolahan rendah----meliputi 89kes (59%)
 - di peringkat bersekolahan Menengah rendah--- 14kes (8.8%)
 - di peringkat bersekolahan Menengah atas----- 56kes (35.2%)
- 4) Shin Min Daily News, 14hb. Julai 1986.
- 5) Sin Chew Jit Poh, 18hb. Mei 1987.
- 6) -ibid-, 28hb. November 1986.
- 7) Shin Min Daily News, 31hb. Julai 1987.
- 8) rujuk kepada Jadual 3.2.: Corak Latarbelakang Keluarga. Sebanyak 73 kes atau 59.4% di kalangan 123kes gadis-gadis dakwaan yang mengakui diri sebagai 'pelacur' adalah berasal dari keluarga sempurna. Manakala sebanyak 48 kes atau 39% di kalangan mereka adalah datang dari keluarga yang berpecah-belah akibat daripada kematian, perpisahan atau penceraian hidup ibubapa gadis-gadis berkenaan.


9) Mohd Nor Samad, Utusan Malaysia, 17hb. Jun 1987.

10) S.375, Pecahan kelima, Kanun Keseksaan P.T.M. (Bab 45)


LAMPIRAN GAMBAR :



Rajah 1 : Kebanyakan kes-kes pelacuran yang dilaporkan di balai polis adalah di kalangan gadis-gadis yang di bawah umur duapuluh satu tahun.



Rajah 2 : Pelacur-pelacur yang disifatkan 'berkelas rendah' banyak terdapat di lorong-lorong gelap ataupun di bangsal-bangsal buruk. Kebanyakan mereka ini adalah terdiri daripada pelacur-pelacur tua yang seringnya menerima bayaran yang rendah dari pelanggan-pelanggan mereka.



Rajah 3 : Rumah-rumah urut haram sering merupakan tempat
‘kunjungan’ pihak polis----memberkas dan membongkar
segala kegiatan perkhidmatan seksual.



Rajah 4 : Pihak-pihak berkuasa memusnahkan segala kelengkapan
dan kemudahan tempat-tempat yang menjalani kegiatan
pelacuran ; seperti rumah urut, pusat kesihatan,
'coffee house', dan kedai gunting rambut.



Rajah 5 : Gadis-gadis tukang urut kerap kali diperiksa dan dikesani oleh pihak berkuasa mengenai kegiatan pelacuran yang dijalankan itu.

- * Gambar-gambar yang dilampirkan adalah dipetik dari Shin Min Daily News 22hb.Jun , 24hb.Jun , 1hb.Julai ; 6hb.Julai, 1987.

BIBLIOGRAFI :

A) Bahan-bahan Tercetak:

Abdul Hadi Zakaria, Pelacur dan Pelacuran Di Malaysia, Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd., 1980

Arnold, W.R. & T.M. Brungardt, Juvenile Misconduct and Delinquency, USA: Houghton Mifflin Comp., 1983

Bartol, Curt R., Criminal Behavior:A Psychosocial Approach, New Jersey:Prentice-Hall, Inc., 1980

Box, Steven, Deviance, Reality & Society, London: Oxord Press

Clinard, Marshall B., & Daniel J. Abbott, Crime in Developing Countries, New York:A Wiley interscience Publication, 1973

Cohen, Albert K., Delinquent Boys, New York: Free Press, 1955

Garrison, Karl C., Psychology of Adolescence, New Jersey: Prentice-Hall, Inc., 1965

Gibbons, Don C., Delinquent Behavior, New Jersey:Prentice-Hall, Inc., 1976

Glueck, Sheldon & Eleanor Glueck, Family Environment and Delinquency, London:Routledge & Kegan Paul(2nd.ed.), 1966

, Unravelling Juvenile Delinquency,

New York: Harvard University Press, 1950

Goode, Erich, Deviant Behavior, Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, Inc., 1978

Gray, James H., Red lights on the Prairies, Toronto: Macmillan of Canada, 1971

Griffin, Brenda S. & Charles T.Griffin, Juvenile Delinquency in Perspective, New York: Harper & Row Publishers, 1978

Hirschi, Travis, Causes of Delinquency, Berkeley, California: University of California Press, 1969

- Julian, Joseph, Social Problems: Sexual Deviance, New York:
Meredith Corporation, 1973
- Liska, Allen E., Perspectives on deviance, Englewood Cliffs,
New Jersey: Prentice-Hall, Inc., 1981
- Mathur, A.S. & B.L. Gupta, Prostitutes & Prostitution, Agra(India):
Asia Press, 1965
- McCaghy, Charles H., Deviant Behavior, New York: Macmillan
Publishing Co. Inc., 1976
- Nye, F. Ivan, Family Relationships and Delinquency Behavior,
New York: John Wiley & Sons, Inc., 1958
- Phongpaichit, Pasuk, From peasant girls to Bangkok masseuses,
Women, Work & Developing 2 : International Labour Office,
Geneva, 1982
- Reckless, Walter C., The Crime Problem, (5th.edn.) New Jersey:
Prentice-Hall, Inc., 1973
- Sanger, William W., The History of Prostitution, New York:
Eugenics Publishing Co., 1939
- Schafer, Stephen & Richard D. Knudten, Juvenile Delinquency, New
York: Random House, 1970
- Sutherland, Edwin H. & Donald R. Cressey, Criminology, USA: J.B.
Lippincott Comp., 1978
- Trojanowicz, Robert C., Juvenile Delinquency, New Jersey: Prentice-
Hall, Inc., 1978
- Vedder, Clyde B., The Delinquent Girl, USA: Charles C. Thomas
Publisher Comp., 1975
- Weinberg, S. Kirson, Social Problems in Modern Urban Society,
Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, Inc., 1970
- Wheeler, Stanton, Controlling Delinquents, John Wiley & Sons,
Inc., 1968

B) Artikel dan Periodekell :

Abdul Hadi Zakaria, Pelacuran Sukarela sebagai 'women's Liberation', dalam Manusia & Masyarakat jilid 1, Universiti Malaya, K.L., 1973

Caplan, Gerald M., The Facts of Life about Teenage Prostitution, dalam Crime & Delinquency, Vol:30 Januari 1984

Cloward, R.A. & L.E. Ohlin, Theory of Differential Opportunity, dalam Sue Titus Reid, Crime & Criminology, USA: The Dryden Press, 1976

Davis, Kingsley, The Sociology of Prostitution, dalam American Sociological Review, Vol:2: 10, 1937

_____, Sexual Behavior, dalam Merton, K Robert, Contemporary Social Problems, Hercourt Brace Jovanovich, Inc., 1976

Heyl, Barbara, Prostitution: An Extreme Case of Sex Stratification, dalam Adler, F & Simon, R.J., The Criminology of Deviant Women, Houghton Mifflin Comp., Boston, 1979

International Encyclopedia of the Social Sciences, Vol:11 & 12 Macmillan Comp., 1968

Jackson, Laura, Prostitution, dalam Joyce Lebra & Joy Paulson, Chinese Women in Southeast Asia, Singapore: Times Book International, 1980

James, Jennifer, Prostitution, dalam The Female Offender oleh Laura Crites, Lexington Books, D.C. Health & Comp., 1976

_____, Prostitutes & Prostitution, dalam E. Sagarin & F. Montanino, (eds.), Deviants: Voluntary Actors in a Hostile World, New Jersey: General Learning Press, 1977

Lim Fong, Prostitution, dalam Shin Min Daily News, Jun-Julai 1987

Mohd. Nor Samad, Utusan Malaysia, 16hb, 17hb, 18hb. Jun 1987

Mohd.Nor Samad, Utusan Malaysia, 16hb, 17hb, & 18hb.Jun, 1987

Rosen, Lawrence, The Broken Home and Male Delinquency, dalam Marvin E.Wolfgang & Leonard Savitza & Norman Johnston(eds), The Sociology of Crime & Delinquency, New York:John Wiley & Sons, Inc., 1970

Shoemaker, Donald J., The Teeniest Trollops! Baby Pros', 'Chickens', & Child Prostitutes, dalam Clifton D.Bryant, Sexual Deviancy in Social Context, New York:New Viewpoints, 1977

Wilson, Deirdre, Sexual Codes & Conduct:A study of teenage girls, dalam Carol Smart & Barry Smart, Women, Sexuality & Social Control, Routledge & Kegan Paul Ltd., 1978

C) Bahan-bahan yang tidak tercetak :

Abdul Hadi Zakaria, Some Patterns in High Class Prostitution in Kuala Lumpur & Petaling Jaya, Tesis M.A., Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, 1975

Mariani Mansor, Kelonggaran Ikatan Sosial dan Jenayah Juvena, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, 1985

Zakaria Ismail, Pelacuran di Bandaraya Pulau Pinang: Satu Kajian Ke Atas Pelacur-pelacur Yang Terdiri Daripada Pelayan-pelayan Bar, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1976